**Nasib nelayan & pemandu teksi dibela** MS2 & 6



**KN amat hargai P. Ramlee** MS10



**MPSP & MPPP cemerlang** MS 4 & 8



PERCUMA

buletin **Mutiara**

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com




1 – 15 OGOS 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Peruntukan Islam era PR jauh lebih baik - Exco Agama

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga kini meluluskan peruntukan agama Islam berdasarkan keperluan umat.

Malah, kata Abdul Malik, pihaknya turut meluluskan beberapa peruntukan tambahan yang dimohon Jabatan Mufti Pulau Pinang sendiri, sebelum ini.

Peruntukan yang dimaksudkan adalah program Cerapan Gerhana 'Matahari Cincin' pada tahun 2009 di Shenzhen, China dan di Holhule, Maldives pada bulan Januari 2010 yang masing-masing menelan belanja RM12,000 dan RM35,000.

Satu lagi peruntukan adalah program Cerapan Matahari Penuh di Caine, Australia pada bulan November 2012 yang menelan belanja RM49,000.

"Saya amat terkejut dan kesal apabila membaca kenyataan mantan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamed yang menggambarkan Islam terancam di Pulau Pinang, kononnya kerana pemimpin bukan Islam pun menuntut hak yang sama.

"Bagaimana Pulau Pinang boleh dikatakan susah meluluskan peruntukan untuk hal ehwal Islam, sedangkan saya sendiri meluluskan beberapa peruntukan tambahan khusus yang dipohon oleh Jabatan Mufti," soalnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, peruntukan agama Islam yang diluluskan Kerajaan Negeri hari ini (Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, PR) adalah jauh lebih baik berbanding era Barisan Nasional (BN) memerintah Pulau Pinang, dulu.

"Peruntukan hal ehwal agama Islam yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dulu bagi tahun 2008 berjumlah RM25.49 juta, tetapi, sekarang kita (PR) luluskan RM35.78 juta bagi tahun 2009, 2010 (RM37.85 juta), 2011 (RM63.21 juta), 2012 (RM64.03 juta), 2013 (RM54.55 juta) dan 2014 (RM51.17 juta). (Rujuk lampiran 1).

"Sekolah Agama Rakyat (SAR) tidak pernah diberi sumbangan sewaktu BN memerintah Pulau Pinang, tetapi Kerajaan Negeri hari ini memberi peruntukan RM1.5 juta tiap-tiap tahun sejak 2008 hingga 2009. RM1.75 juta tiap-tiap tahun pada 2010 hingga 2014 (lampiran 2)," jelas Abdul Malik yang juga Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Itu, tidak termasuk peruntukan kepada huffaz atau para penghafal Al-Quran pada tahun 2008 berjumlah RM30,900, diikuti, RM65,000 (2009), RM90,000 (2010), RM130,000 (2011), RM175,000 (2012) dan RM202,500 (2013) - (Lampiran 3).

"Dulu tidak ada, tetapi Kerajaan Negeri hari ini memberi sumbangan Ihya' Ramadan RM1,000 kepada lebih 200 masjid, RM5,000 kepada Masjid Negeri dan RM3,000 untuk masjid-masjid daerah.

"Kerajaan Negeri sejak tahun 2009 memperuntukkan melebihi RM500,000 tiap-tiap tahun sebagai bonus kepada guru-guru KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain), SAR, Maahad Tahfiz, TADIS (Tadika Islam) dan Pondok," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Menteri merangkap Ahli Parlimen Bagan, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu Majlis Berbuka Puasa dan Ramah Mesra di Masjid Jamek Kubang Buaya baru-baru ini turut menyifatkan dakwaan Abdul Hamid berunsur fitnah.

Terdahulu, Abdul Hamid dilaporkan berkata Islam yang kononnya terancam di Pulau Pinang perlu dibendung supaya tidak merebak ke negeri-negeri lain.

Dakwaan itu, menurut Abdul Hamid adalah berdasarkan makluman mantan Mufti Pulau Pinang bahawa susah mendapat peruntukan untuk aktiviti agama Islam di negeri ini kerana pemimpin agama lain juga menuntut hak yang sama.




PERUNTUKAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM




PERUNTUKAN KHAS
SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)




PERUNTUKAN KHAS HUFFAZ

# KN komited bela nasib nelayan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI PINANG** – Seramai kira-kira 150 nelayan pantai dari Unit Nelayan Pengkalan Sungai Pinang dan Unit Nelayan Pengkalan Jelutong menerima sumbangan pukat daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Penyerahan sumbangan berkenaan disempurnakan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Menurut Afif, sumbangan tersebut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri menunaikan salah satu manifesto Pilihanraya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu melalui sumbangan pukat kepada 2,981 nelayan seluruh Pulau Pinang.

"Pada PRU-13 lalu, kita (Kerajaan Negeri) berjanji untuk memberi sumbangan pukat dua kali setahun kepada nelayan-nelayan pantai seluruh Pulau Pinang.

"Tahun ini merupakan tahun kedua dan kita berharap agar tahun-tahun mendatang, sumbangan ini dapat diteruskan lagi bagi membantu para nelayan kita mengurangkan bebanan pembelian pukat," katanya ketika berucap di dalam majlis ringkas penyerahan sumbangan pukat di sini baru-baru ini.

Menurut Afif, tahun lalu (2013), Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3.6 juta untuk bantuan pukat dan ia dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua nelayan pantai di Pulau Pinang.

"Sumbangan ini juga adalah sebagai penghargaan kepada nelayan pantai di negeri ini yang merisikokan nyawa mengharungi laut semata-mata untuk 'menaikkan' ikan ke darat saban hari bagi memenuhi kehendak pasaran dan kelangsungan hidup di Pulau Pinang," ujar beliau.

Selain sumbangan pukat dua kali setahun, Afif menyatakan bahawa Kerajaan Negeri turut prihatin dengan nasib nelayan dan kini giat berusaha untuk menjayakan Tabung Usahawan Tani, iaitu satu skim pinjaman tanpa bunga dengan jumlah pinjaman sehingga RM5,000.

Malah, jelasnya, Kerajaan Negeri juga mencari alternatif bagi menggalakkan generasi muda berkecimpung dalam sektor perikanan di negeri ini.

"Kita komited membela nasib nelayan dan sedayanya mencari pendekatan komprehensif dalam membantu meningkatkan pendapatan golongan nelayan di negeri ini," katanya.

Dalam pada itu, rata-rata nelayan yang hadir ketika ditemui memberi reaksi positif dan terharu dengan ingatan Kerajaan Negeri.

Bagi **Yaacob Aris**, 62, dari Unit Nelayan Pengkalan Jelutong, beliau berasa gembira dan bersyukur kerana segala jasanya selama lebih 30 tahun sebagai nelayan, kini dihargai.

"Alhamdulillah, ini pertama kali saya terima pukat dan bantuan ini sudah cukup memadai memandangkan harga pukat pun agak mahal, dalam RM80 ke RM200 serta ia mudah rosak dan koyak.

"Cuma saya berharap, bolehlah sekiranya Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menyediakan peralatan lengkap tangkapan dan bukan pukat semata-mata memandangkan kami cuma nelayan pinggir pantai, hasil tangkapan pun tak banyak seperti nelayan laut dalam," kata bapa kepada tiga orang cahaya mata terbabit.

Reaksi sama turut diluahkan **Yeoh Lye Hin**, 63, dan isterinya, Teoh Pheik Choo, 57, yang juga nelayan dari Unit Nelayan Pengkalan Jelutong.

"Saya harap Kerajaan Negeri dapat melihat perkara-perkara lain selain sumbangan pukat contohnya bantuan enjin bot dan penyediaan satu penempatan jeti tetap yang baru bagi kami.

"Sebagai nelayan, kami ingin terus turun ke laut untuk mencari rezeki," kata Lye Hin yang sudah 50 tahun bergelar nelayan pantai.

Walau bagaimanapun, beliau faham Kerajaan Negeri sedang berusaha mencari penyelesaian terbaik bagi membela nasib nelayan di negeri ini.



**SEBAHAGIAN nelayan pantai menunggu giliran untuk menerima pukat masing-masing sejurus selepas majlis ringkas penyerahan sumbangan pukat di sini baru-baru ini.**



**YAACOB Aris.**



**YEOH Lye Hin.**

# Sumbangan 500 kaca mata percuma dapat pujian KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAGAN DALAM** – Ahli perniagaan terkemuka, Datuk Seri R. Arunasalam melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Butterworth beliau baru-baru ini menyumbang 500 kaca mata percuma kepada mereka yang terpilih.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang menyertai majlis tersebut dalam ucapannya merakamkan penghargaan serta memuji pasukan Arunasalam atas aktiviti amal berterusan mereka kepada komuniti setempat sejak beberapa tahun lalu di negeri ini.

"Sebanyak 500 pasang di mana sekurang-kurangnya sepasang berharga RM100, bermakna beliau telah mengeluarkan RM50,000 untuk 500 penerima," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Lim Hock Seng (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), A. Tanasekharen (ADUN Bagan Dalam) serta Dr. R. A. Lingesh (anak Arunasalam) turut menyertai majlis penyampaian sumbangan tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng yang juga ADUN Air Putih memberitahu, pentadbirannya pernah dipertikai sebelum ini kerana mencadangkan pemberian anugerah kebesaran yang membawa gelaran 'Datuk Seri' kepada Arunasalam.

Katanya, khalayak mempertikai Kerajaan Negeri semasa itu antaranya atas alasan bahawa Arunasalam dikatakan kurang dikenali serta kurang memberi sumbangan kepada Pulau Pinang berbanding tokoh-tokoh lain di negeri ini.

Pun begitu, beliau memberitahu, aktiviti amal secara berterusan yang dilakukan Arunasalam sehingga kini meyakinkan Kerajaan Negeri bahawa ahli korporat berkenaan memang layak menerima darjah kebesaran berwajib.

"Di Pulau Pinang, mungkin tidak mengenali beliau. Tetapi, di Bagan ini, kalau tak pakai kaca mata pun, sumbangan beliau dirasai oleh rakyat," ujar Guan Eng.

Difahamkan, pasukan Arunasalam sejak kira-kira 35 tahun lepas menyampaikan sumbangan tahunan berupa beras serta makanan kepada golongan terpilih.

Manakala, pemberian 500 kaca mata secara percuma kepada pelajar serta warga emas terpilih pada majlis amal baru-baru ini merupakan kali ke-empat dilakukan mereka.



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) membantu salah seorang pelajar memakai cermin mata pada Majlis Penyampaian Cermin Mata Percuma di sini baru-baru ini.**

# PDRM, ATM terima saguhati raya tanda penghargaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Bagi menghargai jasa dan khidmat bakti pasukan keselamatan negeri, Kerajaan Negeri baru-baru ini menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri bernilai RM10,000 masing-masing kepada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kesejahteraan dan keamanan tidak akan wujud tanpa pengorbanan serta khidmat bakti anggota keselamatan tanpa mengira waktu termasuk bertugas pada musim perayaan.

"Kerajaan Negeri amat menghargai jasa dan pengorbanan anggota keselamatan tanpa mengira masa demi memastikan keselamatan serta kesejahteraan semua terpelihara," katanya pada majlis penyampaian sumbangan khas Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.



**MOHD. Zakaria Yadi (kanan sekali) menerima cek sumbangan daripada Ketua Menteri pada majlis penyampaian sumbangan khas Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.**

Mewakili PDRM adalah Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan yang mewakili Ketua Polis Negeri.

Panglima 6 Briged, Brigedier Jeneral Mohd. Zakaria Yadi dari Kem Sungai Layar, Sungai Petani mewakili pasukan ATM.

Turut hadir, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

Dalam perkembangan berasingan, pemaju, *Ideal Property Group* dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *G Club Penang Cyclists* dan Rotary Club Tanjung Bungah bakal menganjurkan Ideal Property Group CFAL Edisi Ke-enam pada 17 Ogos ini dengan jumlah penyertaan seramai 4,200 peserta berdaftar dari dalam dan luar negara.



**A. Thaiveegan (kiri) berjabat tangan dengan Ketua Menteri sambil memegang cek sumbangan Kerajaan Negeri.**

Acara kayuhan basikal tahunan tersebut mencabar stamina setiap peserta untuk berbasikal mengelilingi pulau sejauh 82 kilometer dengan catatan masa terbaik.

# Gembira Aidilfitri di rumah baru bantuan asnaf

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**DATUK KERAMAT –** Mata Abdul Halim Abdullah, 59, yang tidak nampak walaupun terlindung dek kaca mata gelap masih tidak mampu menyembunyikan rasa sebak bercampur gembira kerana beliau sekeluarga mampu menyambut Hari Raya Aidilfitri kali ini di rumah baru, hasil bantuan asnaf Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Rumah pondok seringkali ditenggelami air Sungai Pinang, paling teruk empat kali banjir dalam bulan Ramadan tahun 2008 termasuk pada malam raya Aidilfitri.

Malah, katanya, mereka sekeluarga pernah terkejut menyaksikan ular sawa besar sedang gelojoh menelan seekor kucing di dalam rumah pondok tersebut pada satu musim bencana tahun sama.

Semua itu tidak pernah mematahkan semangat Abdul Halim.

Dengan bantuan isteri, Siti Khatijah Sulaiman, 45, Abdul Halim berniaga kecil-kecilan di Tapak Jaja Ropewalk Lorong Kulit, tidak jauh dari Stadium Bandaraya, dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat.

Abdul Halim memberitahu, pendapatan bulanan keluarga tak menentu dan tak pernah melebihi RM400.

Mujur ZPP saban bulan menyumbang bantuan berupa beras, gula dan barang-barang keperluan asasi lain.

Katanya, duit poket dan sumbangan ZPP cukup untuk mereka bersama-sama anak, Siti Nur Fatiah, 17, yang merupakan orang kurang upaya (OKU), serta pasangan kembar, Nur Ain Ariani dan Nur Ain Izati, 3, hidup secara sederhana.

Ibu, Rahimah Bee Ahmad, 80, yang mengidap beberapa sakit kronik yang tinggal di sebelah rumah turut memberi sokongan kepada Abdul Halim.

"Alhamdulillah, sumbangan banyak pihak dan (sumbangan) bulanan zakat cukuplah untuk persiapan raya, tentulah seronok raya kali ini," jelasnya selepas Majlis Penyerahan Rumah Bantuan Asnaf di sini baru-baru ini.

Majlis rasmi itu dilangsungkan serentak dengan program penerimaan zakat perniagaan daripada syarikat telekomunikasi, *Celcom Axiata* bagi tahun 2013 berjumlah RM360,000 diserahkan oleh Pengurus Pemasaran Wilayah Utara, Farid Khan Mohd. Ali.

Sebelum ini, rumah pondok Abdul Halim yang seringkali ditimpa bencana mendapat perhatian banyak pihak termasuk Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo dan Datuk Mohd. Salleh Man (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP).



**RUMAH pondok Abdul Halim Abdullah berhampiran pinggir Sungai Pinang di sini.**




**ABDUL Halim Abdullah sekeluarga dengan replika sumbangan Rumah Bantuan Asnaf ZPP di depan kediaman baru mereka.**

"Setiap kali saya datang, Abang Halim kata 'tak apa' dan boleh bersih selepas bencana banjir ini surut. Saya sangat kagum dengan keluarganya.

"Apabila mereka diminta pindah dari tanah rizab sungai JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) ini, kita berusaha menempatkan mereka di tanah milik Kerajaan Negeri di sini juga dengan bantuan pemimpin setempat dan Datuk Mohd. Salleh sendiri," jelas Jagdeep.

Pemimpin komuniti setempat, Naser Ismail, 53, yang dari mula menguruskan permohonan Abdul Halim ketika ditemui kemudian berkata, beberapa bulan sahaja proses permohonan rumah bantuan asnaf tersebut dibuat untuk diluluskan ZPP.

"Sebenarnya tak susah untuk memohon dan cepatkan proses dapat rumah bantuan asnaf ini, dengan syarat mendapat kebenaran tuan tanah atau calon penerima itu sendiri.

"Permohonan Abdul Halim ini lebih cepat kerana tanah ini Kerajaan Negeri, Tuan Jagdeep dan Datuk Mohd. Salleh sendiri mahu projek ini cepat siap," ujar Naser.

# BBKN P. Pinang paling tinggi demi keperluan pelajar

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**



**ABDUL Rasheed Abdul Gany.**

**BALIK PULAU -** Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM2 juta setahun sejak 2013 bagi program Bantuan Biasiswa Kecil Negeri (BBKN) kepada pelajar-pelajar kurang mampu dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di semua 127 buah sekolah menengah di Pulau Pinang.

Malah, pada 2013 itu juga, Kerajaan Negeri telah menaikkan jumlah penerimaan biasiswa tahunan dari RM120 kepada RM600 setahun bagi pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga dan daripada RM720 kepada RM840 setahun bagi pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

Menurut kenyataan akhbar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, kenaikkan tersebut adalah untuk menampung keperluan pembelajaran pelajar kurang mampu membeli buku kerja, buku rujukan dan keperluan harian yang kian meningkat kosnya dari tahun ke tahun.

"Dengan kenaikkan jumlah biasiswa, Pulau Pinang mendahului carta dengan pemberian Biasiswa Kecil Negeri kepada pelajar kurang mampu paling tinggi di Malaysia," katanya di sini baru-baru ini.

Baru-baru ini, sebanyak 11 sekolah dari kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang, Pulau Betong dan Teluk Air Tawar menerima BBKN daripada Kerajaan Negeri .

Bagi Abdul Rasheed Abdul Gany, wakil Sekolah Menengah Agama Maahad Al-Mashoor Al-Islami, Balik Pulau menyifatkan bantuan berkenaan amat baik dan bermanfaat kepada pelajar-pelajar kurang mampu dalam usaha memberi semangat kepada golongan terbabit meneruskan pengajian.

"Saya lihat bantuan ini mampu menampung keperluan para pelajar khususnya pelajar yang tidak dapat Bantuan Biasiswa Persekutuan atau bantuan-bantuan lain," ujarnya ketika ditemubual Buletin Mutiara pada Majlis Penyerahan Bantuan Biasiswa Kecil Negeri di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon.

Dalam ucapan Mohd. Rashid, beliau berharap bantuan berkenaan dapat menyuntik semangat pelajar-pelajar kurang mampu berkenaan untuk mencapai rekod cemerlang dalam akademik.

"Biasiswa ini merupakan salah satu usaha murni Kerajaan Negeri membantu meningkatkan kecemerlangan dalam kalangan pelajar mempunyai latar belakang keluarga kurang berkemampuan.

"Diharap pihak sekolah yang hadir dapat sama membantu pelajar-pelajar ini dan terus memberi semangat untuk berjaya," ujarnya pada majlis berkenaan.

Dalam pada itu, bagi KADUN Teluk Air Tawar, majlis penyampaian sumbangan disempurnakan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.




**DR. Afif Bahardin (berdiri, berbaju putih, tengah) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian pelajar-pelajar dari empat buah sekolah di Teluk Air Tawar pada Majlis Penyerahan Biasiswa Kecil Negeri baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN pelajar dan guru pengiring Sekolah Menengah Vokasional, Butterworth menerima sijil penghargaan BBKN pada majlis penyerahannya.**

Wakil dari Sekolah Menengah Vokasional, Butterworth, Setiausaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), dikenali sebagai Cikgu Salwani berkata, bantuan tersebut dapat membantu pelajar-pelajar kurang mampu menumpukan perhatian untuk menuntut ilmu demi masa depan yang cemerlang.

"Pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar kurang mampu ini juga perlu dipantau guru dan ibu bapa bagi mengelakkan berlakunya pembaziran walhal wang tersebut adalah untuk pelajar meneruskan pengajian," jelas beliau.

Bagi Guru Biasiswa, Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Air Tawar, Cikgu Nasirah, beliau berharap agar bilangan penerima dapat ditambah dari masa ke masa memandangkan ia sememangnya banyak membantu pelajar-pelajar tersebut khususnya dalam pengurusan wang.

Sebagai rekod, pemilihan penerima adalah diproses melalui sistem atas talian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berasaskan merit, kedudukan kewangan keluarga dan kegiatan ko-kurikulum pelajar. Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (JPPP) akan memperakukan senarai nama pelajar yang layak menerima bantuan tersebut kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

# Pengiktirafan bukti MPSP mampu bersaing - Maimunah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menerima pengiktirafan sebagai *Best Cities* daripada *Europe Business Assembly* (EBA) iaitu sebuah badan korporat bebas terkemuka Eropah di Stresa, Itali baru-baru ini.

MPSP menerima anugerah tersebut berdasarkan kriteria pengurusan bandar, penyediaan infrastruktur yang baik dan sistematik serta mempunyai persekitaran kondusif untuk pembangunan.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Shariff berkata, anugerah itu merupakan pencapaian tertinggi MPSP terutamanya dalam pengurusan bandar dan wilayah.

"Pengiktirafan ini membuktikan bahawa MPSP mampu bersaing dengan mana-mana pihak berkuasa tempatan di peringkat antarabangsa dan saya berharap, ia dapat menjadi perangsang dan pendorong kepada semua warga Seberang Perai," nyatanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Setiausaha Politik beliau, Wong Hon Wai yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam.

Jelas Maimunah, moto MPSP iaitu 'Kemampanan Adalah Komitmen Kami' kini dapat direalisasikan dan terbukti berkesan.

Selain sebuah trofi *Best City* dan sijil pengiktirafan *Best Cities,* kategori pertumbuhan dinamik bagi sesebuah bandar dan wilayah, Maimunah sendiri turut menerima pingat daripada badan berprestij tersebut.

Malah, MPSP turut menerima dua lagi pengiktirafan iaitu *Certificate of Excellence Presented to the Finalist (Top Medical/Travel/Hospitality Web-Site)* dan *Certificate of Excellence Presented to the Winner (Best Holiday Destination/Resort).*

Dengan pengiktirafan tersebut, MPSP kini boleh menjalankan promosi bandar dan wilayah dalam kalangan ahli dan rakan-rakan kongsi EBA menggunakan *trademark* mengikut Akta Cap Dagangan 1994, United Kingdom dan Peraturan-Peraturan Anugerah EBA bagi tempoh lima tahun bermula 23 Jun 2014 hingga 23 Jun 2019.




**(Dari kiri), MAIMUNAH Mohd. Shariff, Ketua Menteri dan Wong Hon Wai mempamerkan trofi dan pingat yang diterima MPSP pada sidang media di sini baru-baru ini.**

MPSP juga diberi ruang untuk kemukakan sebarang cadangan pelaburan bandar atau profil organisasi dalam laman sesawang khas di bawah EBA bagi penyertaan dan perkongsian idea di peringkat global.

Pencapaian terbaru itu sekaligus menyerlahkan lagi imej kepimpinan berintegriti Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mata dunia.

# Waspada sindiket penipuan tempahan rumah - Exco

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Orang ramai khususnya pembeli rumah kali pertama diminta supaya berwaspada dengan sindiket penipuan jual beli rumah yang menawarkan cagaran bagi unit-unit rumah dibeli.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, beliau menerima sepucuk surat daripada Ketua Pegawai Eksekutif *Aspen Group* (AG), Datuk Murly Manokharan pada 23 Julai lalu untuk memaklumkan bahawa pihak Aspen Vision Ventures Sdn. Bhd. (anak syarikat AG) menerima aduan wujudnya sindiket penipuan melibatkan pembelian unit rumah di *Tri Pinnacle*, Mount Erskine di Tanjong Tokong.

"Suspek mendakwa dia adalah ejen yang menawarkan jaminan tempahan unit rumah di *Tri Pinnacle* dan mengkehendaki mangsa membayar wang tempahan atau wang pendahuluan sebagai cagaran untuk mendapat unit-unit tertentu bagi projek berkenaan.

"Untuk makluman semua, BPKN (Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri) mahupun pihak AG sendiri tidak pernah melantik mana-mana pihak ketiga atau mengarahkan mana-mana individu untuk mengambil komisyen atau wang tempahan sebagai cagaran unit rumah.

"Semua urusan jual beli rumah dan pemilihan bagi rumah kos mampu milik dan sederhana rendah itu adalah melalui SPEC (Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan) dan bukannya pihak ketiga," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi AG, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff dan Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia, Cawangan Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan.

Rentetan itu, satu laporan polis telah dibuat pihak AG di Balai Polis Pulau Tikus baru-baru ini.

Sindiket penipuan berkenaan disyaki telah menipu wang pendahuluan untuk cagaran unit rumah bernilai antara RM10,000 hingga RM30,000 dan sehingga kini, pihak pemaju percaya suspek yang menjalankan sindiket berkenaan masih berleluasa.

Jagdeep dalam pada itu, menggesa pihak polis supaya memburu individu terlibat dalam sindiket penipuan menggunakan nama BPKN.

"Saya sendiri telah menulis surat kepada Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi berhubung perkara ini dan memohon agar tindakan tegas serta segera dapat diambil terhadap individu terlibat dalam sindiket haram tersebut," ujar beliau.

Tambah Jagdeep, beliau menasihati mana-mana pembeli rumah, sama ada kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik perlu melalui permohonan di BPKN.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai sindiket penipuan berhubung cagaran pembelian rumah di Pulau Pinang diminta menghubungi Pejabat Exco Perumahan di Komtar pada talian 04 - 650 5138 atau 04 - 261 0763 atau membuat laporan polis di mana-mana balai berhampiran bagi membantu siasatan.



**(Dari kiri), MURLY Manokharan, Jagdeep Singh Deo, Jerry Chan dan Nazir Ariff Mushir Ariff menunjukkan salinan surat dan laporan polis membabitkan sindiket penipuan dikesan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri batal

**GEORGE TOWN** – Bagi menghormati mereka yang terkorban dalam tragedi pesawat penerbangan MH17, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan pembatalan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Tambah beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih juga dibatalkan.

"Ini termasuk Majlis Rumah Terbuka Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Majlis Rumah Terbuka Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang turut dibatalkan.

"Pembatalan ini adalah susulan daripada pengumuman yang dibuat Mesyuarat Kabinet baru-baru ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri menyatakan pendirian bahawa akan berdiri bersama Kerajaan Persekutuan demi keadilan kepada keluarga mangsa nahas pesawat MH17.

# Beli air dari Perak, KM tuntut campur tangan Pusat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Hasrat Kerajaan Perak yang mahu menjual air terawat sahaja walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk membeli air mentah (sahaja) daripada negeri tersebut perlu campurtangan daripada Kerajaan Pusat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya hanya bersetuju untuk membeli air mentah sahaja demi memastikan tarif air di negeri ini tidak melambung naik disebabkan impak berantai oleh pembelian air terawat dari Perak semahal kira-kira 73 sen setiap 1,000 liter padu.

Lagipun, katanya, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili sendiri pernah berjanji untuk memenuhi keperluan air mentah Pulau Pinang pada masa hadapan, sebagaimana disebut semasa pemeteraian perjanjian penghijrahan aset dari Pulau Pinang kepada Pusat sebelum ini.

"Saya tidak bersetuju kerana tarif air terawat Perak adalah 2.3 kali ganda tarif Air Pulau Pinang, (walhal) dalam cadangan tarif air domestik terbaru (Pulau Pinang) pun masih kekal terendah berbanding negeri-negeri lain.

"Mengapa Pahang boleh menjual air mentah kepada Selangor, mengapa Pulau Pinang tidak boleh membeli air mentah (dari) Perak...ini sama sekali tidak adil untuk rakyat Pulau Pinang.

"Saya berharap Pusat boleh campur tangan, serta menunaikan janjinya untuk memajukan SPRWTS (Cadangan Skim Bekalan Air Mentah Sungai Perak) dengan peruntukan RM2 bilion demi menjamin bekalan air mentah selepas tahun 2020 di Pulau Pinang adalah mencukupi," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan & Utiliti, Lim Hock Seng dan Wong Hon Wai (Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri) turut menyertai sidang media itu.

Guan Eng dalam surat bertarikh 26 Jun lepas kepada Maximus Johnity ada menjelaskan, tarif air domestik Pulau Pinang yang dicadangkan adalah serendah 32 sen per 1,000 liter untuk kegunaan 35,000 meter padu pertama tiap-tiap bulan.

Surat sama turut menjelaskan bahawa Kerajaan Perak melalui Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) pada 16 Disember tahun lepas bahawa mereka hanya bersetuju menjual air terawat sahaja kepada Pulau Pinang.

Justeru, Guan Eng menegaskan, pembelian air terawat daripada Kerajaan Perak akan mengakibatkan wujudnya peningkatan kos berantai pada pengurusan bekalan air terawat negeri, sekaligus, menjejaskan komitmen Kerajaan Negeri untuk mengekalkan tarif air terendah berbanding negeri-negeri lain.

Dalam perkembangan sama, portal akhbar perdana berbahasa Malaysia, Berita Harian pada 10 Julai lepas turut melaporkan bahawa Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir mengesahkan bahawa pihaknya hanya akan menjual air terawat, walaupun ada negeri tertentu mahu membeli air mentah daripada Kerajaan Perak.

# Pemandu teksi terima RM300 insentif Kerajaan Negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, seramai 2,679 pemandu teksi, teksi pelancongan dan kereta sewa yang berdaftar di bawah Kerajaan Negeri menerima sumbangan insentif RM300 dengan keseluruhan peruntukan berjumlah RM803,700.

"Seramai 2,072 pemandu di bahagian pulau dan 607 (pemandu) di bahagian Seberang Perai terima insentif ini...saya harap semua (penerima) terus mempromosi Pulau Pinang.

"Selagi Kerajaan Negeri mendapat mandat, kita akan beri RM600 tahun (iaitu) RM300 kita beri awal tahun dan bakinya RM300 sekarang.

"Kita tak seperti Kerajaan Pusat beri (RM500) lima tahun sekali (sempena Pilihan Raya Umum Ke-13)," ujarnya pada Majlis Pemberian Insentif Kepada Pemandu Teksi & Kereta Sewa di Pulau Pinang 2/2014 di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna), Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri) dan Abd. Malek Darus (Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi & Kereta Sewa Negeri Pulau Pinang) turut hadir pada majlis itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng berkata Kerajaan Negeri bersedia untuk menjadi orang tengah antara pertubuhan gabungan itu dan Putrajaya berhubung beberapa isu berbangkit yang menyentuh kepentingan pemandu teksi persendirian di negeri ini.

Malah, tambahnya, Kerajaan Negeri turut bersedia untuk menawarkan kos khidmat guaman, sekiranya pasukan Abd. Malek nekad mahu mengfailkan saman di mahkamah berhubung isu-isu berbangkit tersebut.

Sebelum itu, Abd. Malek membangkitkan isu syor Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) supaya semua teksi persendirian yang berusia lewat 10 tahun sahaja ditukar dengan kenderaan nasional Proton Exora, jika mahu permit teksi mereka diperbaharui.

"Mengapa mesti Exora, kalau kena pakai gear satu kalau nak naik bukit Balik Pulau, enjin kereta ini pun 'makan' minyak kuat.

"Mengapa teksi persendirian sahaja diminta tukar pada Exora jika nak permit, teksi syarikat yang berusia lebih 10 tahun tidak pula susah berurusan dengan SPAD," soalnya semasa berucap pada majlis sama.

Pun begitu, Abd. Malek memberitahu, SPAD pada rundingan dua bulan lepas bersetuju untuk memperbaharui permit dalam tempoh setahun sahaja lagi untuk teksi persendirian berusia 10 tahun.



SEBAHAGIAN pemandu teksi, teksi pelancongan dan kereta sewa berdaftar di bawah Kerajaan Negeri yang hadir pada Majlis Pemberian Insentif Kepada Pemandu Teksi & Kereta Sewa di Pulau Pinang 2/2014 di sini baru-baru ini.

Selain itu, Abd. Malek turut mempertikai syor SPAD memperkenalkan tarif meter baru khusus untuk mereka yang bertukar pada kenderaan Teksi 1Malaysia (TEKS1M), selepas Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Takkan TEKS1M sahaja diberi nikmat jika kadar sewa naik nanti.

"Adakah kerana rata-rata kami yang berusia 60 tahun ini susah untuk dapat penjamin jika nak pinjam beli Exora, maka, kami ditekan sebegini," tegas beliau.

Bagaimanapun, Abd. Malek berkata, pihaknya hanya berhasrat menerima tawaran Kerajaan Negeri untuk menjadi 'orang tengah', tetapi, tidaklah sampai mahu dibantu merujuk beberapa isu berbangkit tersebut ke mahkamah.

"Kita sangat hargai tawaran (kos khidmat guaman) Kerajaan Negeri, ini (insentif RM300) adalah pemberian yang ulung-ulung di Malaysia kerana hanya di negeri ini sahaja kita dapat.

"Kita lebih percaya kaedah rundingan dengan SPAD, sebab itu kita mungkin minta Kerajaan Negeri jadi 'orang tengah' jika perlu nanti," ujarnya.



ABD. Malek Darus.

Menjelang perayaan Tahun Baru Cina pada awal Februari lepas, seramai 1,969 penerima berdaftar menerima sumbangan RM300, manakala, pada majlis kali ini penerima direkodkan bertambah 710 orang lagi.

## Exco terima memorandum bantah ladang ternak khinzir

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TASEK GELUGOR** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menerima memorandum bantahan terhadap ladang ternakan khinzir di kampung berkenaan daripada lebih 200 penduduk Kampung Selamat yang mengadakan perhimpunan secara aman di sini baru-baru ini.

Bantahan itu adalah susulan kes membabitkan seorang pelajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Selamat, Muhammad Ammar Muqrish Zulkifli, 12, yang disahkan dijangkiti virus *Japanese Ensefalitis* (JE) baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Kariah Masjid Kampung Selamat, Ismail Hassan, penduduk kampung dan kawasan sekitar berkenaan sudah sekian lama berdepan dengan masalah ladang khinzir yang tidak sistematik.

"Penduduk di sini sudah tidak tahan lagi dengan situasi ini termasuk pencemaran bau busuk dari air sisa kumbahan ladang terutamanya pada musim hujan.

"Diharapkan dengan penyerahan memorandum bantahan ini, Kerajaan Negeri dapat berbuat sesuatu bagi mengatasi masalah ini sekaligus menjamin kehidupan yang berkualiti kepada penduduk di sini," katanya pada perhimpunan aman di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Dr. Afif berkata, pihaknya akan cuba sedaya upaya menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk di sini.

"Walaupun ada sesetengah pihak cuba menjadikannya sebagai isu perkauman, tetapi bagi saya, ini adalah masalah setempat membabitkan semua kaum yang terlibat.

"Sungguhpun isu untuk memindahkan ladang ini bukanlah sesuatu yang baru, saya tetap panjangkan masalah ini kepada jawatankuasa aduan untuk meneliti perkara ini," ujar beliau.

Tambah Afif, masih terdapat beberapa perkara berbangkit yang menyebabkan isu pemindahan ladang berkenaan masih tidak dapat dijalankan.

Terdahulu, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Azmie Zakaria mengumumkan keputusan 181 sampel darah dari 20 ladang khinzir di Kampung Selamat adalah negatif dari virus JE.



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) ketika mengadakan sesi dialog bersama penduduk selepas menerima memorandum bantahan di Kampung Selamat di sini baru-baru ini.

# MP Permatang Pauh rai anak-anak yatim sempena Aidilfitri

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERMATANG PAUH –** Hampir 200 anak-anak yatim dan kurang upaya membabitkan tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Permatang Pauh diraikan bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.

Ahli Parlimennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail mengadakan sesi jelajah tersebut pada hari raya ke-tiga bagi menggantikan program rumah terbuka yang dibatalkan ekoran tragedi yang menimpa pesawat Penerbangan Malaysia (MAS), penerbangan MH17 pada 17 Julai lalu.



**ANWAR Ibrahim (berbaju Melayu putih) dan Dr. Afif Bahardin (berbaju Melayu hijau) menyampaikan sumbangan duit raya kepada golongan kanak-kanak.**

Anak-anak yatim yang diraikan tersebut merupakan golongan yang tidak menetap di pusat perlindungan atau rumah anak-anak yatim, sebaliknya dikenalpasti sendiri pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setiap DUN berkaitan.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin, ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin, Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud dan Ahli Majlis bagi MPSP, Abdul Jalil Che Ros.



**Wan Azizah Wan Ismail (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang kanak-kanak pada Majlis Tahlil dan Sumbangan Duit Raya Kepada Anak-anak Yatim Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.**

Menurut Afif, program berkenaan dijalankan ekoran pembatalan majlis rumah terbuka yang dirancang sebelum ini.

"Majlis yang diadakan turut diisikan dengan majlis tahlil dan doa selamat bagi mengingati mangsa-mangsa MH17 yang terkorban.

"Pada majlis berkenaan, anak-anak yatim dan kurang upaya diceriakan dengan pemberian sumbangan dan duit raya oleh Datuk Seri (Anwar) dan isteri melalui peruntukan beliau selaku Ahli Parlimen," jelasnya kepada Buletin Mutiara pada Majlis Tahlil dan Sumbangan Duit Raya Kepada Anak-anak Yatim Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

## Putuskan hubungan dagang Israel demi Palestin - Exco

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**



**DR. Afif Bahardin (berkameja putih) mengaminkan bacaan doa pada perhimpunan aman di perkarangan Masjid Kapitan Keling di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Putrajaya didesak memutuskan hubungan perdagangan dengan Zionis Israel, jika benar minyak sawit negara ada dieksport ke pelabuhan Ashod dan pelabuhan Haifa negara tersebut.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, usaha memboikot produk berkaitan Israel wajar secara holistik membabitkan pengguna dan kerajaan sendiri.

"Kita menuntut semua pemimpin negara umat Islam yang ada hubungan perdagangan dengan Israel supaya putuskan hubungan serta merta, (kerana) hubungan perdagangan ini (seakan) iktiraf negara haram itu," tegasnya dalam satu demontrasi aman di perkarangan Masjid Kapitan Keling di sini baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pula meminta rakyat mengguna kuasa pengguna untuk memboikot produk berkaitan negara tersebut, demi memerdekakan warga Palestin di bumi bergolak Gaza.

"Kalau perlu menjadi seperti burung-burung pipit yang membawa air menggunakan paruhnya yang kecil untuk memadamkan api besar yang membakar Nabi Ibrahim pun, kita perlu lakukan seperti burung-burung pipit untuk memerdekakan wilayah Palestin," jelasnya dalam himpunan aman anjuran pemuda Pulau Pinang tersebut.

Pengerusi Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) Pulau Pinang, Dr. Toh Kim Woon dalam kenyataannya menganggap bahawa pencerobohan Zionis Israel di bumi Gaza adalah suatu imperialisme, yang nyata mencabul hak asasi manusia di wilayah bergolak itu.

Justeru, Kim Woon yang juga Pengerusi Bersama bagi Gabungan Pilihan Raya Adil & Bersih (Bersih) menjelaskan bahawa isu Palestin wajar disokong semua rakyat tanpa mengira agama dan kaum.

"Saya bukan Islam dan bersama-sama kawan-kawan saya yang bukan Islam datang ke sini untuk menunjukkan kebangkangan kita terhadap imperialisme Zionis-Israel.

"Bagi kita, isu sebenar adalah tanah mereka dijajah oleh rejim Zionis-Israel. Dahulu, rakyat asal (terdiri oleh) umat Islam dan Yahudi bersama-sama tinggal di bumi Palestin.

"Tetapi, imperialisme Britain telah mengusir rakyat asal di bumi merdeka Palestin serta merampas tanah mereka. Sekarang, rakyat asal Palestin hanya tinggal di tanah sekecil Gaza pun mahu dirampas oleh rejim Zionis-Israel," ujar pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tersebut.

Pengerusi Liga Muslim Pulau Pinang, Najmudeen Kadir dan wakil Jawatankuasa Masjid Kapitan Keling turut berucap pada himpunan aman tersebut.

## Operasi giat jamin kebersihan premis - JKN

Oleh: **CHEAH JAY LOON**



**KU Nafisah Ku Ariffin menunjukkan data hasil OPS Bersih Ke-14 pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** - Sebanyak RM5,550 kompaun dikeluarkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dalam OPS Bersih Ke-14 yang dijalankan secara bersepadu bersama-sama dua pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah keseluruhan 23 premis yang diperiksa, tiga premis termasuk restoran, kedai makan dan hotel diarah tutup serta-merta ekoran kesalahan serius yang dikesan.

Timbalan Pengarah Kesihatan, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, JKN, Ku Nafisah Ku Ariffin berkata, operasi tersebut dijalankan serentak di seluruh Pulau Pinang membabitkan kelima-lima daerah di negeri ini.

"Di Daerah Timur Laut adalah membabitkan kawasan Jelutong, Daerah Barat Daya (Balik Pulau dan Teluk Kumbar), Seberang Perai Utara (Kepala Batas), Seberang Perai Selatan (Nibong Tebal) dan Seberang Perai Tengah (Bukit Mertajam dan Seberang Jaya).

"Bezanya, operasi kali ini dijalankan pada sebelah malam dan fokus utama adalah premis-premis hotel, restoran nasi kandar dan sekolah-sekolah berasrama yang menyediakan juadah berbuka puasa," katanya pada sidang media OPS Bersih Ke-14 di sini baru-baru ini.

Seramai 84 pegawai dan anggota JKN, MPPP dan MPSP terlibat dalam operasi berkenaan.

Turut diambil adalah sampel makanan berisiko tinggi di premis-premis berkaitan untuk tujuan kajian. Ia termasuk, ulam, ayam bakar, nasi kerabu, cendol, air tebu dan lain-lain.

Menurut Ku Nafisah, operasi tersebut dijalankan untuk memperkasakan program Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan JKN dengan objektif meningkatkan lagi kebersihan premis makanan di negeri Pulau Pinang.

"Operasi sebegini akan terus dijalankan sebagai rutin bulanan pihak unit. Malah, taklimat dan pendidikan kesihatan akan terus diadakan kepada pemegang lesen premis yang menjual makanan khususnya," ujar beliau sambil menyatakan bahawa masih ramai penjual yang tidak menerima suntikan anti tifoid walaupun diberi amaran sebelum ini.

# Flotila P. Pinang juara, pamer hingga 16 Sept.

Oleh: **ZAINULFAQRA YAACOB**

**SUNGAI PINANG –** Flotila Negeri Pulau Pinang yang baru menjuarai pertandingan *Magic of The Night 2014* di Putrajaya pada Jun lepas akan dipamerkan di perairan berdepan Persiaran Karpal Singh di sini sehingga Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia 16 September depan.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, flotila bertemakan *Simply the Best* itu telah berjaya menewaskan 13 flotila lain dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Johor, Kedah Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Perbadanan Putrajaya, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

"Kejayaan ini tentulah menyuntik semangat Kerajaan Negeri untuk membawa balik flotila yang cantik dan menarik ini ke Pulau Pinang dan dipamerkan dari 15 Julai hingga 16 September di Persiaran Karpal Singh," ujarnya pada majlis keraian tersebut, anjuran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk flotila yang muncul juara dalam kejohanan *Magic of the Night 2014* di Putrajaya pada 14 hingga 22 Jun lepas.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng, Lim Siew Khim (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Sungai Pinang) dan Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang di-Pertua MPPP) serta Mohamed Akhbar Mustapha (Pengarah Jabatan Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP) turut hadir pada majlis tersebut.

Guan Eng memberitahu, pembikinan flotila tersebut menelan belanja RM320,000, iaitu RM200,000 disumbangkan Kerajaan Negeri, MPPP (RM20,000) dan Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (RM100,000).

"(Kos pembikinan) antara yang paling murah, sungguhpun kita (Flotila Kerajaan Negeri Pulau Pinang) adalah antara yang paling cantik," seloroh Guan Eng.

Sebelum itu, Patahiyah menjelaskan, Flotila Negeri Pulau Pinang menyingkap kecemerlangaan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan paling unggul di rantai ini.

"Asam laksa, *Penang Bridge Marathon,* Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa dan lukisan dinding *wall street art* iaitu kanak-kanak berbasikal yang memenangi *top 10 best street art* oleh *The Guardian* antara (objek) yang dipamerkan pada Flotila Negeri Pulau Pinang, kerana semua keunikan ini adalah produk pelancongan menarik di Pulau Pinang," jelas Patahiyah dalam ucapannya.



(Dari kiri), AR. Patahiyah Ismail, Mohamed Akhbar Mustapha dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye menunjukkan replika dan trofi-trofi yang dimenangi setelah menjuarai kejohanan *Magic of the Night 2014* di Putrajaya baru-baru ini.

Justeru, beliau melahirkan rasa yakin pameran Flotila Negeri Pulau Pinang sehingga 16 September depan akan menggandakan lagi kunjungan pelancong ke Pulau Pinang, khususnya di sekitar George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Terdahulu, Flotila Negeri Pulau Pinang telah menjuarai kejohanan *Magic of the Night 2014* yang dilangsungkan di Tasik Marina dekat Putrajaya pada 14 hingga 22 Jun lepas.

# Bintang gergasi di Kg. Melayu



BINTANG gergasi di silauan lampu mengadap flat Kampung Melayu.

**GERGASI...** Bintang gergasi setinggi 25 kaki yang didirikan khas di Kampung Melayu, Air Itam menambahkan keceriaan Syawal kepada penduduk setempat.

Cetusan ilham adalah daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Wong Hon Wai, bergandingan dengan ciptaan penduduk jati Kampung Melayu dikenali, Pak Mamoo, anaknya, Mohd. Yazid serta pemuda-pemuda Kampung Melayu, bintang tersebut akhirnya berjaya berdiri tegap di sini.



BEBERAPA kanak-kanak mengambil peluang merakam gambar kenangan dengan bintang gergasi Kampung Melayu.

Yang nyata, bintang tersebut bukan hanya melambangkan kesepakatan dan perpaduan dalam kalangan penduduk setempat, malah, erti 1 Syawal yang membawa seribu makna kepada umat Islam yang menyambutnya.

# *Glamping Resort* sedia peluang kerja penduduk tempatan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**




LAKARAN artis *Glamping Resort* yang bakal dibangunkan di Teluk Bahang di sini

**GEORGE TOWN –** Resort percutian bercirikan perkhemahan alam semulajadi persekitaran hutan atau berkonsepkan perkhemahan mewah, *Glamping Resort* yang bakal dibangunkan di Teluk Bahang akan menjadi ikon tarikan pelancongan terbaru di Pulau Pinang dan yang pertama seumpamanya dalam negara.

Pengarah Eksekutif Projek Treasure Orchard Sdn. Bhd. yang merupakan pemaju yang bakal memajukan projek berkenaan, Ar. Lee Woon Poo berkata, resort berkenaan bakal dilengkapi dengan kemudahan mesra alam.

"Objektif utama untuk mewujudkan eko-resort ini adalah dengan mengekalkan ciri-ciri tapak alam sekitar termasuk faktor biologi dan geologi kawasan tersebut tanpa memusnahkan flora serta fauna habitat semulajadinya.

"Lebih kurang 25 buah kanopi penginapan dan 10 kanopi restoran atas pokok disediakan bagi pengunjung yang ingin menikmati percutian pengembaraan alam semulajadi penuh keselesaan.

"Selain itu, trek *elevator buggy* sepanjang satu kilometer (km), meniti jambatan gantung sepanjang sepanjang 100 meter, kicauan burung, unggas dan dek menyaksikan keindahan flora dan fauna sekelilingnya pasti menjanjikan kenangan terindah buat tetamu," ujarnya pada suatu sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar.

Resort yang bakal dibangunkan di atas tanah milik persendirian seluas 22 ekar tersebut dijangka mengambil masa dua tahun untuk siap sepenuhnya.

Dalam pada itu, Guan Eng berkata, projek tersebut bakal memberikan kesan ekonomi yang positif kepada negeri ini dengan kemasukkan pelancong selain menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

"Pulau Pinang kini mempunyai satu lagi tarikan tersendiri.

"Ini adalah satu *trend* terkini buat pelancong yang inginkan pengalaman luar biasa alam semulajadi dengan mementingkan ciri-ciri keselamatan," ujar beliau.

# Legasi hidup lambang warisan bandar George Town

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sambutan ulang tahun ke-enam pengisytiharan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai setiap tahun membawa masyarakat Pulau Pinang khususnya dan luar amnya menyelusuri keindahan dan keunikan bandar tersebut sebagai satu warisan budaya yang masih jitu hidup berdiri di sini.

Bersesuaian dengan tema sambutan tahun ini, 'Legasi Hidup'. Keistimewaan seni bina kolonial, warisan deretan rumah kedai, kepelbagaian seni bina, agama, etnik kaum, tarian, pakaian dan makanan melengkapkan keunikan bandar George Town sebagai suatu lagenda yang terus hidup!

Pengurus Besar *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), Lim Chooi Ping berkata, keunikan warisan yang terus hidup hingga kini melambangkan kesungguhan usaha Kerajaan Negeri dalam mengekalkan elemen tersebut.

"Setiap keunikan yang masih wujud di bandar ini melambangkan tekad, hasrat dan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam melindungi, mengekal serta memulihara warisan agar ia terus kekal dan menjadi suatu tamadun warisan.

"Tiga nilai utama yang saling bergandingan iaitu sejarah perkembangan, keunikan kepelbagaian budaya dan bangunan sekeliling yang estetika menjadikannya suatu aset warisan budaya George Town yang perlu dipelihara dari generasi ke generasi," ujarnya pada ucapan pembukaan Sambutan Ulang Tahun Ke-Enam George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan majlis perasmian berkenaan.

Turut menemani, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Bersempena itu, satu perarakan kayuhan basikal diadakan bermula di Dewan Bandaran dan singgah di beberapa bangunan warisan seperti Masjid Melayu Lebuh Acheh, *Church of the Assumption* dan Sri Mahamariaman Temple sebelum berakhir di Masjid Kapitan Keling.



**PARA pelancong tempatan dan antarabangsa tidak melepaskan peluang bergambar kenangan dengan 'basikal tua' yang dipamerkan di perkarangan Masjid Kapitan Keling pada Sambutan Ulang Tahun Ke-Enam George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini baru-baru ini.**

Terdahulu, pada majlis perasmian, Guan Eng turut melancarkan buku *Georgetown Our Stories*.

Guan Eng dalam ucapannya berkata, sesungguhnya melalui acara-acara perayaan warisan sedemikian akan mempereratkan hubungan dan mengukuhkan persefahaman budaya pelbagai suku kaum serta etnik di Pulau Pinang.

# Lebih 100 program mengisi FGT




**POSTER tarian Melayu-Jawa, Kuda Kepang yang bakal mengisi penganjuran FGT di sini bulan ini.**

**GEORGE TOWN –** Festival George Town 2014 (FGT) kembali dengan pengisian lebih 100 program serta persembahan membabitkan bakat tempatan dan antarabangsa sepanjang bulan ini (Ogos)!

Pengarahnya, Joe Sidek berkata, FGT yang berlangsung selama sebulan akan dipenuhi dengan pelbagai pameran, pesta jalanan, persembahan tarian dan drama, malah, turut didatangkan khas adalah persembahan bertaraf dunia dari Eropah, Korea, India, Jepun dan Singapura.

"Festival tahun ini sekali lagi akan memberi penekanan sama kepada persembahan artis dan bakat tempatan seluruh Malaysia.

"Istimewanya, kita bawakan drama khas diilhamkan khusus untuk festival ini iaitu *Hai Ki Xin Lor* (Kaulah Dunia Ku) - sebuah drama dialek Hokkien hasil suntingan pengarah terkenal negara, Saw Teong Hin yang juga merupakan pengarah filem terkenal, Puteri Gunung Ledang.

"*Hai Ki Xin Lor* akan dipentaskan di Khoo Kongsi yang mengisahkan sejarah hidup sebuah keluarga di Pulau Pinang.

"Selain itu, warna-warni budaya Pulau Pinang turut akan digambarkan melalui pelbagai persembahan seperti tarian Melayu-Jawa, Kuda Kepang; boria Jawi-Peranakan *(Boria Fest)*; makanan dan muzik Serani *(Eurasian Fiesta)*; tanglung bintang Melayu (Projek Cahaya) dan beberapa siri pameran serta konsert yang dipersembahkan di beberapa kopitiam klasik Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media pengumuman penganjuran FGT di Komtar di sini baru-baru ini.

Daya tarikan FGT yang unik setiap tahun bukan sahaja menggamit lebih 200,000 pelawat antarabangsa ke Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, malah, turut memperoleh sanjungan daripada badan kebudayaan terkenal termasuk *Asia-Europe Foundation* (ASEF) dan Persatuan Pembuat Filem.

Turut tersenarai adalah persembahan antarabangsa *Circus Circus,* tarian Jepun - *Wrecking Crew Orchestra,* pertunjukkan akrobatik Finland, Thailand serta China dan pementasan julung kali di Asia yang mengabungkan muzik, drama dan masakan dalam satu persembahan, *The Kitchen*.

Bagi yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila layari laman sesawang, *www.georgetownfestival.com*.



**BASNI Ahmad.**



**MOHD. Zuhairee Abdul Rahim.**

# ADUN bantu 76 golongan perlu

Oleh: **CHEAH JAY LOON**

**GEORGE TOWN –** Seramai 76 penerima terdiri daripada golongan cacat penglihatan, ibu tunggal dan golongan asnaf menerima sumbangan zakat daripada Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim di sini baru-baru ini.

Katanya, majlis yang diadakan setiap tahun tersebut adalah bertujuan memberi bantuan kepada golongan memerlukan.

Selain zakat, Abdul Malik turut menyampaikan beras dan wang bantuan kepada para penerima berkenaan.

Menurut seorang ibu tunggal yang menetap di Bayan Lepas, Basni Ahmad, 45, beliau berasa berbesar hati kerana memperoleh 'perhatian' daripada Kerajaan Negeri.

"Saya mempunyai enam anak dan seorang anak angkat, saya mula dapat sumbangan ini pada tahun lepas.

"Datuk (Abdul Malik) telah memberi banyak sumbangan dan meringankan beban saya. Datuk (Abdul Malik) juga pernah memberi tuisyen percuma kepada anak-anak saya sempena ujian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut bersyukur adalah Mohd. Zuhairee Abdul Rahim, 40-an, yang cacat penglihatan.

"Saya sangat berterima kasih kepada Datuk (Abdul Malik) sebab banyak memberi pertolongan," ujar beliau.

# Kerajaan Negeri amat hargai P. Ramlee - Zairil

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU** - Pengarah Eksekutif Penang Institute (PI), Zairil Khir Johari membidas laporan artikel sebuah akhbar tempatan baru-baru ini yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah melakukan apa-apa bagi mengenang jasa Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sebagai lagenda anak seni yang berasal dari Pulau Mutiara.

Menurut Zairil yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera, beliau mampu mengemukakan banyak bukti yang sememangnya P. Ramlee merupakan seorang seniman agung yang dikenang sepanjang zaman dan Kerajaan Negeri amatlah menghargai beliau.

"Pada penghujung tahun 2012 dan awal 2013, PI ada menganjurkan Festival P. Ramlee bertempat di Dewan Tunku (Dome), Komtar bagi memperingati lagenda tersebut dan serentak itu, turut diadakan beberapa acara lain seperti pertandingan nyanyian, tiru gaya P. Ramlee termasuk menjemput rakan karib beliau, Allahyarham Datuk Abdul Aziz Satar untuk menceritakan pengalamannya selama bersama P. Ramlee.

"Tahun 2014, kita (PI) sekali lagi menganjurkan festival sama pada 28 hingga 30 Mac, cuma *venue* berubah ke Kampung Melayu, Air Itam dan tentatif program masih sama dari segi pertandingan nyanyian, forum 'bedah filem' dan aktiviti mesra penduduk.

"Yang berbeza cuma, kita sedih pada kali ini Aziz Satar tidak dapat bersama kerana ketika itu beliau sakit tenat dan menghembuskan nafas terakhir pada Mei lalu," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

PI merupakan sebuah badan pemikir dan penyelidik dasar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Turut serta, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Mengulas mengenai siaran artikel kritikan tersebut, Guan Eng melahirkan keraguan ekoran isi kandungannya adalah serupa, namun apabila ianya disiarkan, nama penulis adalah berlainan.

"Artikel ini keluar pada dua surat khabar berbeza, penulisan agak sama, tetapi yang meragukan adalah penulis dari nama yang berlainan.

"Namun, saya enggan menyentuh perkara itu terlalu mendalam kerana saya dapat rasakan ini agenda pihak tertentu," tegasnya.

Mengulas lanjut, sebagai penghargaan kepada lagenda sepanjang zaman tersebut, Guan Eng pernah mengemukakan cadangan agar menamakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sempena nama P. Ramlee, namun ia ditolak Kerajaan Pusat.

"Kerajaan Negeri juga turut mengalu-alukan dana dari Kerajaan Pusat jika berminat menaiktaraf muzium dan rumah P. Ramlee yang sedia ada di Jalan P. Ramlee (berdekatan Sekolah Menengah Kebangsaan Abdullah Munshi)," jelasnya.

Sementara itu, pada sidang media sama, Guan Eng turut mengumumkan pelantikan Ooi Chok Yan sebagai Pengurus Besar Penang Global Tourism (PGT).

"Pelantikan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam memperkasakan sektor pelancongan yang merupakan salah satu penyumbang perkembangan sektor ekonomi Pulau Pinang.

"Berdasarkan pengalaman Chok Yan, beliau dilihat banyak menghabiskan masa iaitu selama 12 tahun dalam bidang pengiklanan di peringkat tempatan dan antarabangsa bersama agensi-agensi terkemuka.

"Antara agensi-agensi pengiklanan yang pernah beliau sertai termasuklah BBDO Malaysian Sdn. Bhd., *OgilvyAction, M&C Saatchi-i,* McCann Erickson Malaysia Sdn. Bhd. dan banyak lagi," jelas Guan Eng.


ZAIRIL Khir Johari.


OOI Chok Yan.

# Waspada 'polis palsu' – PDRM

**BAYAN BARU** - Orang ramai diminta berwaspada dengan kegiatan penyamaran 'polis palsu' yang dikesan berlaku di sini baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Mior Faridalathrash Wahid dalam laporan akhbar baru-baru ini berkata, walaupun indeks jenayah di kawasan warisan George Town menurun, namun orang ramai perlu berhati-hati dengan kegiatan 'polis palsu'.

"Ini kerana, pada 6 Julai lalu, pasangan pelancong dari Hong Kong kerugian RM6,000 setelah disamun dua suspek yang memperkenalkan diri sebagai 'polis' di persimpangan Lebuh Pantai dan Jalan Penang di sini.

"Malah, dua kejadian ragut turut berlaku pada awal Julai lalu di kawasan warisan George Town yang turut membabitkan pelancong asing," jelasnya dalam laporan berkenaan.

Kenyataan Mior Faridalathrash tersebut diedarkan pada majlis sidang media Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng supaya umum mengambil langkah berwaspada berhubung kejadian berkenaan.

Dalam pada itu, Guan Eng turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ekoran penurunan kadar jenayah sebanyak lapan peratus di negeri ini sebagaimana diumumkan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Wira Abd. Rahim Hanafi di dalam laporan akhbar baru-baru ini.

"Kadar penurunan tersebut adalah berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan mereka (PDRM) juga berjanji akan melipatgandakan lagi usaha dalam memerangi jenayah seperti ragut, rompak dan sebagainya.

"Bagi saya, penurunan indeks (jenayah) sahaja tidak cukup, yang penting, rakyat berasa diri mereka lebih selamat apabila berada di luar rumah dan persepsi mengenai keselamatan di negeri ini adalah lebih positif," ujarnya.

Beliau dalam pada itu turut menyeru semua pihak untuk terus membantu PDRM melawan jenayah bagi melahirkan masyarakat yang lebih harmoni di negeri ini.

"Apa yang lebih merisaukan, saya turut menerima laporan bahawa ada yang sanggup datang dari luar Pulau Pinang semata-mata untuk melakukan jenayah rompak kemudian balik semula ke negeri asal," tambah beliau.

# Kematian dan kepedulian

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Pengarah Eksekutif Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera**

***PADA** hari Kami bertanya kepada neraka Jahanam: "Apakah engkau sudah penuh?" Ia menjawab: "Masih adakah tambahan?"*

Diangkat daripada Surat Qaaf (50:30), dua baris ayat di atas cukup untuk mencerminkan keseraman dunia hari ini.

Kurang dua minggu lalu, tiga remaja Israel telah diculik dan dibunuh. Sebagai tindak balas, seorang pemuda Palestin telah dibakar hidup-hidup.

Kini, Semenanjung Gaza telah menjadi neraka di dunia. Kematian menggunung saban hari bersama-sama asap fosforus yang menyelubungi langit Gaza akibat serangan bertubi-tubi pencerobohan wilayah Palestin oleh tentera Israel.

Sehingga kini, lebih seribu rakyat Palestin terbunuh manakala ribuan cedera. Dengan bekalan makanan yang kian meruncing dan dikepung pula pada semua sisi oleh laut Mediterranean serta halangan konkrit yang mengular sepanjang sempadan Israel-Mesir, setiap insan Palestin terpaksa hidup dalam ketakutan dan trauma.

Dalam pergolakan Syria pula, satu gabungan kumpulan militan telah mengisytiharkan penaklukan mereka terhadap sebahagian wilayah Syria dan Iraq, dan mendakwa bermulanya era pemerintahan "Khalifah" baru.

Pemimpin militan yang bergelar "Khalifah" kini menguar-uarkan dirinya sebagai ketua agama bagi seluruh umat Islam di dunia, meskipun kumpulan beliau bertindak kejam terhadap minoriti Muslim yang berlainan mazhab.

Manakala di sempadan Ukraine-Rusia, kapal terbang penumpang Malaysia telah ditembak jatuh dengan kejam oleh peluru berpandu anti-pesawat, lantas terkorban 298 nyawa insan yang tidak berdosa.

Tiba-tiba, perkara yang kebanyakan kita anggap sebagai perang saudara biasa kini berkemungkinan menjadi pemangkin kepada krisis geo-politik global kedua abad ke-21 ini selepas 11 September 2001. Ekoran daripada itu, White House sudah pun mengeluarkan kenyataan yang mengenalpasti Presiden Rusia, Vladimir Putin sebagai pihak yang "bertanggungjawab" dalam serangan yang tidak masuk akal pada MH17 itu.

Bagi kebanyakan kita, dunia kini seolah-olah dilanda huru-hara. Garis masa Facebook penuh dengan kematian dan kemusnahan – imej mangsa yang dicacatkan dan dibunuh, babak mengerikan kemalangan kapal terbang dan segala jenis teori konspirasi yang cuba mewajarkan apa yang berlaku.

Sebenarnya, satu-satunya perkara yang kita perlu terkejut adalah mengapa kita begitu terkejut. Ambil tiga krisis sebagaimana disebut di atas.

Ukraine bukannya menjadi zon perang dalam sekelip mata. Rusuhan telah berlaku sejak akhir tahun lalu, dituruti oleh revolusi yang menggulingkan presiden sebelumnya.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) menyumbangkan hamper raya kepada para pegawai dan petugas Penjara Pulau Pinang.

Berikutan itu, Rusia mula membantu sekutunya dari rejim digulingkan dengan penggunaan kuasa tentera di Semenanjung Crimea. Akibatnya, kemelut kini berlaku antara pemberontak yang disokong Rusia dan kerajaan yang diiktiraf Barat.

Namun, di sebalik fakta bahawa sebuah negara telah secara unilateral menyerangi wilayah lain yang berdaulat, apakah ada antara kita yang peduli?

Syria pula telah dibelenggu oleh perang saudara sejak 2011. Apa yang bermula sebagai demonstrasi popular menentang rejim autokratik Bashar al-Assad telah bertukar menjadi perang gerila bandar berlarutan yang telah mengorbankan beratus ribu nyawa, mengakibatkan berjuta-juta pelarian dan lebih teruk lagi, mencetus revolusi dan pemberontakan oleh pelbagai puak.

Jelas, Krisis Syria adalah jenis konflik yang menyuburkan penyemaian benih militan radikal. Dalam erti kata lain, kisah Afghanistan telah berulang, namun apa yang dunia lakukan? Lantaran itu, jika dahulu dunia dihantui Osama bin Laden, kini tempatnya digantikan oleh "Khalifah" Abu Bakar al-Baghdadi.

Sementara itu, kisah Palestin dilayan selama bertahun-tahun sebagai tidak lebih daripada satu segmen hal ehwal luar negeri yang kekal di dalam berita setiap malam.

Kita sudah pun lali dengan penjajahan berdekad lamanya terhadap Tanah Suci dan penaklukan ala Apartheid terhadap rakyatnya, sehingga kita tidak lagi peduli apabila mendengar pertempuran dan kehilangan jiwa manusia di Gaza atau Tebing Barat.

Hakikatnya, tiada siapa yang peduli – baik Nato, atau PBB, mahupun jiran-jiran Palestin, iaitu negara-negara Arab yang kaya-raya – terhadap kekejaman yang dilakukan oleh Israel saban hari. Dek kerana itu, Israel boleh dengan sewenang-wenangnya terus melapah dan membunuh tanpa menghiraukan undang-undang dan konvensyen antarabangsa, hanya atas alasan "mempertahankan diri."

Sebenarnya, kita semua bersalah kerana tidak peduli. Terlalu mudah untuk menukar saluran TV atau menyelak halaman lain dalam akhbar setiap kali nama-nama Ukraine, Syria atau Palestin timbul. Mereka seolah-olah terlalu jauh, dan penderitaan mereka bukan masalah kita.

Tetapi di situlah salah kita. Kerana sikap kita yang tidak peduli ini, pengganas bersenjata mampu berkuasa, kekejaman boleh ditaja oleh sebuah kerajaan tanpa segan silu, dan beribu-ribu insan terus dibunuh setiap hari.

Ingatlah Srebrenica. Lebih 8,000 rakyat Bosnia disembelih kerana dunia tidak peduli. Ingatlah Rwanda. Satu perlima daripada penduduk telah dihapuskan kerana PBB gagal bertindak. Ingatlah kebangkitan Nazi. Eropah telah hampir dilenyapkan kerana tiada siapa peduli akan Adolf Hitler hinggalah segala-galanya sudah terlambat.

Berapa kalikah sejarah perlu berulang sebelum kita tersedar? Berapa banyak lagi perang sanggup kita biarkan tanpa melakukan apa-apa? Berapa banyak lagi kematian sanggup kita hadapi sebelum kita akhirnya peduli?



ZAIRIL Khir Johari di Masjid Negeri pada pagi Hari Raya Aidilfitri.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>afana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227 | - Benji Ang |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 552 4791 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2014

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO) | 012 - 464 3004 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Ogos 2014




31hb Ogos
***Kuda Kepang***
*Lebuh Acheh, George Town*
*9:00mlm - 10:00mlm*
**Kemasukan Percuma**

31hb Ogos
***MAK YONG***
*Lebuh Armenian*
*George Town*
*5:00ptg - 5:30ptg*
**Kemasukan Percuma**



**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256





ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin (kanan sekali) menyampaikan juadah sahur kepada salah seorang anggota Pasukan Bomba dan Penyelamat pada Program Jelajah Sahur Timbalan Ketua Menteri I Bahagian Daerah Seberang Perai Tengah.



GELAGAT kanak-kanak yang hadir pada Majlis Kenduri Doa Selamat dan Keraian Anak-anak Yatim Parlimen Permatang Pauh.



PARA kakitangan awam yang turut serta dan berdoa pada upacara mengibarkan bendera negeri separuh tiang selama tiga hari (bermula 18 Julai lalu) sebagai mengingati mangsa-mangsa nahas maut pesawat penerbangan MH17 di ruang udara Ukraine.











REKA bentuk flotila Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang menjuarai Pertandingan Flotila : Magic of The Night 2014 di Putrajaya pada 14 - 22 Jun 2014 anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon (berdiri, dua dari kanan) memerhatikan keputusan pemeriksaan mata Ketua Menteri pada Majlis Penyampaian Sumbangan Cermin Mata.






EMPAT remaja yang turut serta dalam Himpunan Aman Palestin bergambar kenangan berlatarbelakangkan Masjid Kapitan Keling yang terletak di Tapak Warisan UNESCO George Town.



▲ AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan (duduk, depan sekali) turut serta dalam Himpunan Aman - Hentikan Pembunuhan Rakyat Palestin di Sudut Pidato, Padang Kota Lama.

◄ AKSI pasukan bola sepak Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan dan *Penang Press Club* yang berentap dalam perlawanan persahabatan di Stadium Bandaraya.

# KN setuju permohonan kebenaran merancang Kg. Manggis oleh Pusat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Pengecualian Kerajaan Pusat untuk mengemukakan permohonan kebenaran merancang berwajib dipersetujui Kerajaan Negeri dengan syarat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut dijemput bersama-sama pada majlis perasmian projek berkenaan.

Ini adalah seperti majlis pecah tanah dan majlis penyerahan kunci kepada semua 61 penerima terpilih Rumah Mesra Rakyat (RMR) Kampung Manggis dekat Permatang Tinggi dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Machang Bubok kelak.

Bagaimanapun, Guan Eng menjelaskan bahawa projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) itu mesti terlebih dahulu mendapat kelulusan berwajib daripada Jabatan Kerja Raya (JKR), demi keperluan penduduk miskin mangsa banjir terpilih berkenaan.

"Kita tidak sewenang-wenangnya memberikan pengecualian (permohonan kebenaran merancang) sesuka hati dan sewenang-wenangnya...ini projek Kerajaan (Pusat), yang akan diluluskan oleh JKR.

"Ini, hadiah bersama (Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri) sempena bulan Ramadan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Wong Hon Wai (Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri).

Manakala, Kerajaan Pusat diwakili Pengurus Besar Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Datuk Dr. Sr. Kamarul Rashdan Salleh, Wan Mastura Azlina Mohammad (Ketua Pegawai Eksekutif SPNB Mesra Sdn. Bhd.), Datuk Ahmad Zubir Abdul Ghani (Timbalan Ketua Setiausaha KKLW), Shafie Mohd. Jusoh (Setiausaha Bahagian Tanah & Wilayah KKLW) dan Hirman Miraj Mohd. Noor (Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Tanah & Wilayah KKLW).

Atas maksud mahu menjayakan projek tersebut bersama-sama Kerajaan Pusat, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut mengalu-alukan kunjungan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal ke negeri ini supaya lebih banyak permohonan projek pemajuan desa daripada Kerajaan Pusat dapat diluluskan kelak.

"Saya berharap kerjasama seperti ini boleh diteruskan, walaupun Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mempunyai pendapat yang berbeza kerana ia (kerjasama ini) cukup menguntungkan rakyat Pulau Pinang," ujarnya.

Difahamkan, rancangan pemajuan Pusat berkenaan diluluskan ekoran *walkabout* Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ke kawasan tumpuan banjir terbabit pada 17 September 2011.

Dalam mesyuarat penyelarasan Projek Penyusunan Semula Kampung Manggis pada 31 Disember tahun lepas, terdapat beberapa keperluan tidak dapat dipatuhi SPNB sekiranya permohonan kebenaran merancang dikemukakan.



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Ahmad Zubir Abdul Ghani (dua dari kiri) sambil diperhatikan Shafie Mohd. Jusoh (kiri sekali) dan Jagdeep Singh Deo (tiga dari kanan) pada majlis sidang media mengenai projek RMR Kampung Manggis dekat Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.**

Pada 9 Januari lepas, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menerima surat rayuan daripada SPNB supaya projek pemajuan 61 unit rumah satu tingkat kepada mangsa banjir berwajib di atas sebidang berkeluasan 6.002 ekar tersebut diberi pengecualian permohonan kebenaran merancang.

Kawasan pemajuan berwajib terbabit dikenalpasti adalah tanah milik persendirian, di atas lot-lot 17,265 hingga 17,325 Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Difahamkan, permohonan SPNB itu adalah berdasarkan Seksyen 19(1) Akta 172 yang menyebut, "tiada seorang pun, selain pihak berkuasa tempatan, boleh memula, mengusaha atau menjalankan apa-apa pemajuan melainkan jika kebenaran merancang berkenaan pemajuan itu telah diberikan kepadanya di bawah Seksyen 22 atau dilanjutkan di bawah subseksyen 24(3)".

Pun begitu, Kerajaan Negeri dalam mesyuaratnya pada 26 Mei lepas bersetuju memberi beberapa pengecualian berwajib sebagaimana dimohon oleh Pusat, dengan syarat Ketua Menteri dijemput hadir bersama-sama pada majlis perasmian, seperti majlis pecah tanah serta majlis penyerahan kunci kepada pemilik lot-lot kediaman tersebut.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan lagi komitmen Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam menambah bilangan rumah mampu milik serta memajukan kawasan desa demi keselesaan hidup rakyat di negeri ini.

## *Task force* khas pantau kes kematian tahanan

Oleh: **CHOONG YEE SHUN & CHEAH JAY LOON**

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy mengumumkan penubuhan pasukan *task force* bagi meninjau dan mengambil langkah-langkah pencegahan berhubung kes kematian tahanan di dalam lokap Pulau Pinang baru-baru ini.

Inisiatif tersebut, katanya, adalah ekoran laporan enam kes sedemikian bagi tempoh Januari hingga April lalu di sini.

"Antaranya, membabitkan mendiang A. Punniyanatnam, 40, di Lokap Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS) pada 10 Februari lalu; mendiang N. Ramasamy, 50, (Lokap Bayan Baru, 1 Mac 2014); Allahyarham Kamarulnizam Ismail, 39, (Penjara Tapah, Perak, 8 Mac 2014, sebelum itu Allahyarham ditahan di lokap Balai Polis Seberang Perai Tengah (Bandar Perda) pada 3 Mac) dan mendiang M. Murungan, 37, (Lokap Bandar Perda, Seberang Perai Tengah, 13 April 2014)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Exco Pertanian & Industri Asas Tani dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) *Amnesty International Malaysia* (AIM), Shamini Darshni, wakil Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Ong Jing Cheng, wakil *Bar Council Legal Aid Centre Penang* (LAC), Vithushini Sivakumaran dan wakil *A Social Reform Movement Promoting* (ALIRAN), Dr. Prema Devaraj.

*Task force* tersebut bakal diketuai Ramasamy, manakala Jagdeep serta Afif merupakan panel-panel terpilih.

Tambah Ramasamny, Kerajaan Negeri menegaskan bahawa tragedi terbabit tidak harus lagi berlaku di Pulau Pinang.

"Polis-polis juga mesti mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Walaupun suspek-suspek tahanan meninggal di hospital, ia masih di bawah dan merupakan tanggungjawab pihak polis.

"Kami akan bekerjasama dengan NGO untuk mencari jalan penyelesaian dan bagaimana mengelakkan kes macam ini terus berlaku," tegas beliau.

Dalam sidang media berbeza, Ramasamy turut mengumumkan lima pendekatan penting dalam mengelakkan insiden terbabit berulang.

"Antaranya adalah prosedur, kumpulan sokongan keluarga, penglibatan pihak polis, penglibatan Jabatan Kesihatan Negeri dan pendidikan awam," jelasnya.



**PROF. Dr. P. Ramasamy (tengah) memerhatikan buku perundangan yang ditunjukkan Jagdeep Singh Deo (kiri sekali) sambil turut diperhatikan Dr. Afif Bahardin pada sidang media pengumuman penubuhan *task force* khas di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut mengenai inisiatif dikemukakan, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memerlukan kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mendapatkan maklumat lanjut bagi mendidik awam mengenai hak masing-masing sekiranya ditahan dan menjadi tahanan dalam lokap.

Serentak itu, Ramasamy turut menunjukkan statistik jumlah mangsa yang mati dalam lokap antara tahun 2005 hingga 2013 iaitu membabitkan 138 tahanan dengan pecahan 54 berketurunan Melayu, India (31), Cina (26), warga asing (19) dan lain-lain (8).

# Yakin Bkt. Bendera capai 1.5 juta pengunjung - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



LALUAN berbumbung pejalan kaki membolehkan pengunjung menikmati kehijauan suasana bukit di Bukit Bendera.



LAKARAN artis menunjukkan ruang tinjau kini yang masih dalam pembinaan.

**BUKIT BENDERA** – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bukit Bendera (PHC) mensasarkan seramai 1.5 juta pengunjung melawat pusat peranginan Bukit Bendera pada tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau yakin sasaran itu dapat dicapai berikutan rekod pengunjung ke Bukit Bendera pada tahun lalu (2013) ialah 1.3 juta pengunjung, dua kali ganda lebih tinggi daripada jumlah dicatatkan sejak 2007.

Jelasnya, jumlah pengunjung yang direkodkan tahun lalu adalah yang tertinggi dalam sejarah kehadiran pengunjung ke Bukit Bendera dan tahun ini, dengan beberapa projek naiktaraf, Bukit Bendera akan terus menjadi pusat peranginan bukit terunggul di Malaysia.

"Selain pengenalan sistem baru keretapi furnikular pada 2011, penambahbaikan kemudahan sedia ada dan pengenalan beberapa projek baharu turut menjadi faktor peningkatan jumlah pengunjung ke Bukit Bendera.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah membelanjakan RM1.5 juta untuk menaiktaraf stesen atas dan ini termasuk laluan berbumbung sejauh 80 meter untuk pejalan kaki di puncak Bukit Bendera," katanya pada sidang media sejurus selepas Majlis Perasmian Laluan Berbumbung Pejalan Kaki di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Pengurus Besar PHC, Dr. Lawrence Khoo.

Dalam pada itu, Guan Eng turut berharap agar projek-projek penambahbaikan di puncak Bukit Bendera dapat disiapkan mengikut jadual.

"Setelah siap (projek penambahbaikan) kelak, Bukit Bendera akan menjadi terkenal dan pastinya menjadi tumpuan pelancong sama ada dalam negeri mahupun luar negara.

"Bukit Bendera pastinya menjadi destinasi wajib setiap pelancong yang datang ke Pulau Mutiara seperti yang digambarkan dalam papan iklan – 'Anda tidak pernah berkunjung ke Pulau Pinang sehinggalah anda naik ke Bukit Bendera' yang menyambut ketibaan pengunjung di sini," ujar beliau.

Malah, peranti audio yang membolehkan pengunjung mengetahui maklumat, latar belakang dan sejarah sambil menikmati permandangan indah dari atas Bukit Bendera turut dibekalkan kepada pengunjung yang ingin menikmati kelainan ketika berkunjung ke Bukit Bendera.

Kini, terdapat 25 gerai menjual pelbagai jenis makanan dan minuman di Kafe Cliff yang menjadi pilihan untuk menjamu selera.

Selain itu, tarikan terbaru yang lain termasuk Muzium Burung Hantu, Taman Herba, Taman Periuk Kera dan Taman Tema Mini Escape, Monkey Business.

Pengunjung juga boleh mencuba mesin pencetakan duit syiling baharu dengan bermodalkan RM3 setiap satu. Menerusinya, pengunjung boleh mengumpul semua corak syiling dan hasilkan kraftangan seperti gelang tangan, anting-anting atau buah rantai.

---

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| No Akaun | Peminjam | Penjamin 1 | Penjamin 2 |
|---|---|---|---|
| 11390 | AWATIF BINTI ISMAIL - 830909075542<br>4500 BAKAU TUA<br>13110 PENAGA | ZUL SUHAILI BIN MD HUSAIN - 830831025085<br>NO. 4500 BAKAU TUA<br>13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA | ISMAIL BIN OMAR - 640702075695<br>SEBELAH 4814 BAKAU TUA<br>13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA |
| 11413 | OOI HOOI MAY - 911104075136<br>2-05-05 LINTANG MADRASAH,<br>SERI JELUTONG 11600 PULAU PINANG | TEOH CHAI LEE - 650629025008<br>NO. 60-16-08 JALAN SLIM<br>11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | LEE PHAIK LAY - 590925075374<br>2-05-05 LINTANG MADRASAH,<br>SERI JELUTONG<br>11600 PULAU PINANG |
| 11444 | MUHAMMAD SYAHMI BIN MAHADZIR - 801215075529<br>1021 MUKIM 3, BUKIT INDERA MUDA<br>14400 BUKIT MERTAJAM, | MAZULIFAH BINTI ISHAK - 590216075048<br>NO. 282D JALAN LENGKOK ATAS<br>11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG | THAMILMAARAN A/L KANESON - 870716085281<br>NO. 192 NOORDIN STREET<br>10350 PULAU PINANG |
| 11477 | CHUAH CHEE PHENG - 840514075715<br>95-11-5 UNIVERSITY HEIGHT,<br>JALAN SUNGAI DUA 11700 GELUGOR,<br>PULAU PINANG | CHUAH AI KHENG - 760705075216<br>23-4-28 TAMAN LONE PINE<br>11060 PAYA TERUBONG, PULAU PINANG | CHUAH AH BAH - 500825075009<br>95-11-5 UNIVERSITY HEIGHTS,<br>JALAN SUNGAI DUA, GELUGOR<br>11700 PULAU PINANG |
| 11482 | MOHAMAD SYAFIQ FARHAN BIN ABDULLAH - 880503075177<br>126 BLOK J, MUKIM 12 , PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | ABDULLAH BIN SHAMUN - 600225075505<br>BLOK N-185, FASA 3A, SERI MANJUNG, \<br>32040 PERAK | AZIAN BINTI AHMAD - 770201075756<br>126 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| 11513 | TEOH JIN YEE - 910519075109<br>352-9-8 GAT LEBUH MACALLUM,<br>GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG | TEOH KWONG YEE - 830405075055<br>352-9-8 GAT LEBUH MACALLUM<br>10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG | TEOH ENG HOE - 510123075193<br>352-9-8 GAT LEBUH MACALLUM<br>10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| 11602 | NORSYAZLINA BINTI JENUWA - 880421035606<br>LOT 17, MEDAN MAJU,<br>TAMAN ABDULLAH FAHIM<br>13200 KEPALA BATAS, SPU | JENUWA BIN HUSIN - 590915035563<br>NO. 55 LORONG MEDAN MAJU,<br>TAMAN ABDULLAH FAHIM, FASA 4,<br>13200 KEPALA BATAS, SPU | MOHD ZAIDI BIN MOHD YUSOF - T725146<br>KAMPUNG GONG DATOK,<br>16800 PASIR PUTEH, KELANTAN |
| 11604 | NUR IZZATI BINTI MALIK - 880501085830<br>B-G-01, KUARTERS INSTITUSI PENDIDIKAN,<br>LRG NANGKA, TAMAN DESA DAMAI,<br>14000 BUKIT MERTAJAM | RAFIZAH BINTI MALIK - 801221075402<br>29 JALAN KE8/1E, KOTA EMERALD WEST<br>48000 RAWANG, SELANGOR | MUNIRAH BINTI MALIK - 830316075002<br>6 SOLOK NIPAH 3, TAMAN HJ MOHD AMIN,<br>KAMPUNG PERTAMA<br>13500 PERMATANG PAUH, SPT |
| 11665 | SAIFOLNIZAM BIN HASHIM - 750420075029<br>DEKAT 318A MUKIM 6,<br>PONDOK UPEH 11000 BALIK PULAU,<br>PULAU PINANG | SABARINA BINTI ABU BAKAR - 760504075172<br>G-UG-7 DSHIRE VILLA, SEKSYEN 4,<br>KOTA DAMANSARA 47810 PETALING JAYA,<br>SELANGOR | HELMI BIN HASHIM - 850924075223<br>318A MUKIM 6, PONDOK UPEH<br>11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG |
| 11749 | NURUL AIN BINTI ABDULLAH - 881118355054<br>9831 PULAU MERTAJAM<br>13110 PENAGA | NOR EZAINI BINTI ABDULLAH - 870502355100<br>NO. 9831 PULAU MERTAJAM<br>13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA | TUN MOHD AZLAN BIN AZMI - 871124086285<br>NO. 9831 PULAU MERTAJAM<br>13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA |
| 11761 | STEPHANIE JUANNE A/P SELVANATHAN - 870315075322<br>9-G-1 PERMATANG DAMAR LAUT,<br>BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG | GEORGE WILLIAM A/L ANTHONY SAMY - 631206085339<br>792-P MUKIM 13, SUNGAI DUA,<br>11700 GELUGOR, PULAU PINANG | LILITRACE A/P BALASUNDRAM - 670311075580<br>304-03-02 TAMAN JADE VIEW, JALAN BUKIT GAMBIR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| 11775 | MURUGIYAH A/L P.RATNAM - 690704075141<br>4-09 BLOCK A, TAMAN PANDAN,<br>JALAN ONG YI HOW 13400 BUTTERWORTH | VANAJA A/P B JEYAVELOO - 620312075800<br>NO. 502B JI, JALAN TENGGIRI,<br>SEBERANG JAYA 13700 PERAI | DENESH A/L MACALINGHAM - 860929355653<br>NO. 39 JALAN BERLIAN 1,<br>PPC QUARTERS, BAGAN AJAM<br>13000 BUTTERWORTH |
| 10939 | GABRIEL LINGESH A/L SUKALINGAM - 860610355299<br>236 LORONG MERANTI KUNING, TAMAN BERSATU, KULIM 09000 KEDAH | CHANDRA LINGESH A/L SUKALINGGAM - 770605075269<br>B5-08 BAYU SURIA APARTMENT, OFF JLN MERANTI, TAMAN IMPIAN EHSAN<br>43300 BALAKONG SELANGOR | SUBRAMANIAM A/L RAMASAMY - 620117085851<br>223 JALAN SEROJA, TAMAN SEROJA 3, 09000 KULIM, KEDAH |
| 11786 | THIAGARAAJ PILLAI A/L THAYASEGAMANAY - 890805075411<br>976 JALAN KLINIK LAMA 13200 KEPALA BATAS, SPU | THANESH A/L SATHIASELVAN - 881018355671<br>NO. 1435 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS,<br>SEBERANG PERAI UTARA | RAJESWARI A/P KRISHNAN - 660406075592<br>NO. 9105 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA |

# Kembalikan DIBS untuk nilai hartanah bawah RM400,000 – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi meningkatkan kemampuan golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah membeli rumah serta memastikan harga stabil dengan mengekang aktiviti spekulasi yang keterlaluan, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya Bank Negara mengembalikan semula skim *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) bagi pembeli rumah kali pertama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Bank Negara perlu mengembalikan semula skim DIBS bagi pembeli rumah kali pertama hanya untuk hartanah yang bernilai di bawah RM400,000.



**ANTARA pengunjung yang meninjau model rumah contoh oleh salah sebuah pemaju pada Pameran Hartanah The Star 2014 di sini baru-baru ini.**

"Hal ini bukan sahaja dapat mengimbangi kesan negatif inflasi, tetapi juga dapat mengimbangi bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi daripada kenaikkan kadar faedah sebanyak 0.25 peratus dari tiga peratus kepada 3.25 peratus," katanya ketika berucap merasmikan Pameran Hartanah The Star 2014 dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Star Publications (M) Berhad, Tan Sri Datuk Seri Kamal Mohd. Hashim

Menurut Guan Eng, pemaju perumahan dilarang melaksanakan projek bercirikan DIBS bagi mengelakkan pemaju memasukkan tanggungan kadar faedah pinjaman pembeli semasa tempoh pembinaan dalam harga rumah.

"Secara tidak langsung, ia akan meningkatkan kos pembiayaan bagi urusniaga yang membawa kepada peningkatan harga lebih tinggi dan membuatkan ia lebih sukar bagi pembeli kali pertama untuk mendapat kelulusan pinjaman.

"Oleh demikian, DIBS boleh dilaksanakan untuk pembeli kali pertama dengan nilai hartanah di bawah RM400,000 dengan syarat pembeli tersebut mestilah daripada golongan berpendapatan rendah dan pemaju akan menanggung kadar faedah pinjaman pembeli tanpa memasukkan nilai tanggungan ke dalam harga rumah," jelasnya.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri menentang sebarang kenaikkan dalam kadar faedah yang akan membebankan peminjam tanpa apa-apa langkah pampasan bayaran balik pinjaman apatah lagi sewenang-wenangnya menaikkan harga rumah.

"Pengembalian semula DIBS bersyarat bagi nilai rumah di bawah RM400,000 akan memberi manfaat kepada pembeli kali pertama dan menggalakkan demokrasi perumahan," ujar beliau.

Dalam pada itu, Kamal memberitahu, lebih 30 syarikat dan pemaju perumahan terbabit dalam pameran diadakan buat kali ke-12 tahun ini.

"Pada pameran ini, pengunjung bukan sahaja disediakan dengan pelbagai projek pembangunan hartanah dan perumahan, sebaliknya juga berpeluang menghadiri seminar yang diadakan selama tiga hari di sini," nyata beliau.

Pameran Hartanah The Star 2014 yang berlangsung selama tiga hari baru-baru ini menyediakan lebih 2,000 unit rumah pelbagai nilai ditawarkan kepada para pengunjung.

## Hubungan P. Pinang, Phuket unik

**GEORGE TOWN –** Pertemuan antara Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Duta Besar Thailand, H.E. Krit Kraichitti di Komtar baru-baru ini mengeratkan lagi hubungan antara George Town dan Thailand.


**KRIT Kraichitti.**

Kunjungan hormat dari Kedutaan Thailand ke Malaysia itu turut disertai Konsul Thailand, Chayanit Pasatika dan Penasihat Menteri, Piyapak Sricharoen.

Dalam pertemuan selama sejam itu, Kraichitti menzahirkan ucapan takziah atas peristiwa nahas pesawat Penerbangan Malaysia (MAS), MH17 yang terhempas di Ukraine baru-baru ini. Beliau turut bersimpati dengan ahli keluarga mangsa yang terlibat.

Selain itu, beliau yang pertama kali mengunjungi Guan Eng melahirkan keterujaan berhubung pembangunan di Pulau Pinang terutamanya dalam aspek urus tadbir, pengurusan kewangan dan pengurusan wilayah.

Kraichitti turut berharap agar Ketua Menteri dapat menyertai delegasi George Town ke Phuket pada bulan September nanti bagi menghadiri *Seminar and Business Matching* antara dua negara (Thailand dan Malaysia) serta hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Phuket dan Pulau Pinang sebagai *sister cities*.

Ketua Menteri dalam perbualannya, berharap hubungan antara Phuket dan Pulau Pinang bukan hanya terhad kepada jaringan kerjasama ekonomi dan pembangunan sosial, tetapi juga melalui pelaburan serta kebudayaan.

"Hubungan Phuket dan Pulau Pinang sememangnya unik dan mempunyai susur galur sejarah yang panjang serta masih diteruskan sehingga ke hari ini.

"Pertemuan ini memberi peluang kepada Pulau Pinang untuk saling bertukar-tukar pandangan dan ternyata, ianya dapat dipereratkan lagi melalui jalinan insan," katanya pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Turut sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai.

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**
**Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT)**
**NOTIS PERMOHONAN CADANGAN (RFP)**
**(KOD : LGD / RFP-PDP / 1 / 2014)**

Tawaran ini dibuka kepada syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai Notis Permohonan Cadangan (RFP) seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | **PROJEK JALAN DAN PENGANGKUTAN AWAM DI PULAU PINANG (Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang 2013 - 2030)** |
| TARIKH BUKA | : | **15 OGOS 2014 (JUMAAT)** |
| TARIKH TUTUP | : | **16 DISEMBER 2014 (SELASA)** |

Pembida yang berminat dikehendaki mengemukakan sejumlah wang yang tidak akan dikembalikan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja **(RM 2,000.00)** melalui cek / kiriman wang pos kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan dokumen RFP Tender, termasuk enam (6) jilid Laporan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) .

Dokumen RFP dan Laporan PIP boleh didapati di Kaunter Juruwang, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang pada waktu pejabat dari **8:00 pagi- 5:00 petang** mulai dari **15 Ogos 2014**.

Pembida yang berminat diwajibkan untuk menghadiri taklimat RFP seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **27 Ogos 2014 (Rabu)** |
| Masa | : | **9.30 pagi** |
| Tempat | : | **Auditorium A, Tingkat 5, KOMTAR, Pulau Pinang** |

Dokumen yang lengkap hendaklah diletakkan di dalam sampul bertutup dan hendaklah ditanda dengan jelas di sudut atas sebelah kanan sebagai Projek Jalan dan Pengangkutan Awam di Pulau Pinang, Malaysia sebelum atau pada jam **12 tengah hari, 16 Disember 2014** di Pejabat **Bahagian Kerajaan Tempatan, Tingkat 56, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**

Dokumen yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. BKT mempunyai hak untuk membatalkan tender RFP pada bila-bila masa sebelum atau selepas tarikh tutup tanpa sebarang notis.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ir. Lim Thean Heng di talian +604-6505410 / +604-2613454 (limtheanheng@gmail.com) atau Engr. Mustaqin bin Alpi di talian +604-6505681 (mus_wm@yahoo.com).

Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Program dakian berkonsep bawa botol minuman sendiri



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) ditemani Karen Geh (kiri sekali) menunjukkan baju-t rasmi penganjuran dakian *Trails in Twilight Stars* pada sidang media pengumuman penganjuran di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Buat julung kalinya, bagi menyokong persekitaran hijau, konsep membawa botol minuman dan cawan sendiri (BYOB) oleh para peserta diperkenalkan sempena penganjuran dakian *Trails in Twilight Stars* di Bukit Bendera pada 20 hingga 21 Disember ini.

Perkara tersebut diumumkan sendiri Ahli Parlimennya, Zairil Khir Johari pada sidang media pengumuman penganjuran program berkenaan di sini baru-baru ini.

Zairil berkata, konsep yang diperkenalkan sejajar dengan polisi Kerajaan Negeri ke arah sebuah negeri hijau melalui pengurangan penggunaan cawan plastik dalam kalangan peserta.

"Ianya yang pertama diperkenalkan di Pulau Pinang pada penganjuran ini.

"Lazimnya, pihak penganjur akan menyediakan minuman. Tetapi dengan memperkenalkan konsep ini, sekaligus akan mengurangkan penggunaan cawan plastik atau kertas.

"Malah, sisa bahan buangan daripada cawan-cawan tersebut adalah dikurangkan kepada sifar," ujarnya pada sidang media yang diadakan di Pusat Komuniti Parlimen Bukit Bendera.

Hadir sama, salah seorang peserta dan barisan penganjur, Karen Geh.

Kira-kira 300 peserta dijangka mengambil bahagian dalam acara terbabit.

Dalam pada itu, Karen berkata, dakian *Trails in Twilight Stars* bakal mencabar stamina para peserta kerana ia dianjurkan khas pada waktu malam.

"Pertandingan bermula seawal jam 6 petang hingga 6 pagi keesokannya. Ini bermakna, para peserta boleh 'menikmati' suasana mendaki pada waktu malam.

"Sepanjang 12 jam berlangsungnya dakian membabitkan kira-kira tujuh kilometer (km) tersebut, para peserta boleh menyelesaikan seberapa banyak pusingan *(loops)* yang terdaya dalam tempoh masa yang diberikan.

"Peserta yang berjaya melengkapkan satu hingga empat pusingan (7 km ke 28 km) bakal diberikan pingat Gangsa, lima hingga tujuh pusingan (35 km ke 49 km), pingat Perak dan lapan pusingan (56 km ke atas), pingat Emas," jelas Zairil.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Oktober 2014. Sebarang maklumat lanjut sila layari, *www.facebook.com/TrailInTwilightStars* atau laman sesawang rasmi, *http://mytriathlonshop.com/events/twilight/*.

## 13 ditahan curi kayu gaharu



AHLI Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong (empat dari kiri) menunjukkan pokok-pokok gaharu yang ditebang secara haram di Hutan Simpan Cherok To'kun, Bukit Mertajam baru-baru ini.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Seramai 13 warga Vietnam ditahan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dipercayai mencuri kayu gaharu di premis bernombor 875, Padang Lalang Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (SPS) baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, hasil serbuan, pihak penguatkuasa berkenaan menemui 5 kilogram kayu gaharu, peralatan menebas dan peralatan mengelas dipercayai milik suspek.

"Suspek-suspek ditahan di lokap Balai Polis Bukit Tambun dan direman sebelum dibawa ke mahkamah.

"Sekiranya didapati bersalah, suspek bakal menghadapi hukuman penjara dan didenda sehingga RM20,000," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Kayu gaharu merupakan spesis tumbuhan yang dilindungi dan ianya cukup berharga kerana digunakan dalam penghasilan minyak wangi serta peralatan sembahyang.

Di Pulau Pinang, lokasi tumpuan kegiatan mencuri kayu gaharu adalah sekitar Taman Negara Teluk Bahang, Teluk Bahang dan hutan di Taman Botani hingga Bukit Bendera.

Guan Eng dalam pada itu menyeru sesiapa yang mempunyai maklumat berhubung kegiatan tersebut supaya menghubungi polis atau pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan lanjut.

## Karnival Hijau P. Pinang promosi nilai kehijauan




CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) sambil diapit Ng Kok Heng (kiri sekali) dan Teh Yee Cheu (kanan sekali) menunjukkan replika cek tajaan pada Majlis MoU Antara PGC dan XOX Berhad bersempena penganjuran Karnival Hijau Antarabangsa Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Tajaan RM100,000 daripada sebuah syarikat telekomunikasi diharap dapat mempromosikan nilai kehijauan alam sekitar sambil mengurangkan kesan pencemaran bersempena penganjuran Karnival Hijau Antarabangsa Pulau Pinang 2014 pada 13 hingga 14 September ini di Padang Kota Lama di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, beliau berharap dengan termeterainya memorandum persefahaman tersebut, ia akan membantu Kerajaan Negeri dan swasta untuk terus bekerjasama lebih erat dalam mencapai kejayaan pada karnival tersebut kelak.

"Pada dua hari penganjuran karnival, satu forum mengenai kefahaman alam sekitar akan diadakan.

"Turut tersenarai adalah cubaan memecahkan rekod *Malaysia Book of Record* dalam acara tarian *'Chicken Dance'* beramai-ramai.

"Selain itu, turut memeriahkan penganjuran berkenaan adalah acara lasak, *Escape Mini Theme Park, Wet World Wild, King of the Green Chef Competition II, JCI Green Wheel, Grab a Free Plant*, naga terpanjang dan banyak lagi untuk dinikmati bersama keluarga," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) Penajaan Karnival Hijau Antarabangsa Pulau Pinang 2014 Antara Penang Green Council (PGC) dan syarikat telekomunikasi, XOX Berhad di sini baru-baru ini.

MoU tersebut ditandatangani Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu sebagai wakil PGC dan XOX Berhad diwakili Ketua Pengarah Eksekutifnya, Ng Kok Heng sambil disaksikan Kon Yeow.

# Sukan di P. Pinang mampu satukan semua – Exco

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU FERINGGHI –** Exco Belia & Sukan, Pembagunan Wanita dan Komuniti, Chong Eng mempelawa orang ramai menyertai acara larian *Rock To Rock Run* bagi membantu mengumpul dana untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Yok Eng, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS).

Difahamkan, dana sebanyak RM50,000 diperlukan sekolah berkenaan bagi memperbaiki struktur bumbung di dewan bola keranjang yang berkemungkinan berfungsi sebagai dewan serbaguna juga.

"Saya percaya, dengan sumbangan derma melalui yuran pendaftaran RM70 ini, ianya bukan sahaja boleh menjadi contoh kepada anak-anak dan pewaris kita, malah dapat membuktikan bahawa sukan di Pulau Pinang mampu menyatukan semua dalam mencapai sesuatu objektif," ujarnya pada sidang media pengumuman penganjuran acara *Rock To Rock Run* di sini baru-baru ini.

Acara larian yang berlangsung sejak lima tahun berturut-turut tersebut menyasarkan 2,500 penyertaan pada tahun ini. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Ogos 2014.

Setiap penyertaan bakal menerima baju-t, pelekat kereta serta sijil penyertaan.

Terdapat dua kategori larian yang dipertandingkan iaitu *Fun Run* (3.8 kilometer) dan *Competetive Run* (10.2 kilometer) merangkumi lokasi pelancongan menarik sekitar pantai Pulau Pinang.

Larian akan berlangsung pada 26 Oktober ini bermula di Hotel Hard Rock dari jam 6.30 pagi hingga 10.30 pagi.




**CHONG Eng, (berdiri, lima dari kiri) bersama-sama jawatankuasa penganjur dan penaja bergambar kenangan di Hotel Hard Rock sejurus tamat sidang media di sini baru-baru ini.**

Keterangan lanjut boleh diperoleh dari laman sesawang, *http: deltaevents.com.my/event/info/index/Rock_to_Rock_Run_2014* atau hubungi talian 011 – 144 32 122.

## Bola sepak persahabatan erat silaturahim

**MENDEBARKAN...** Satu tendangan gol daripada Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang jelas memusnahkan impian pasukan bola sepak *Penang Press Club* untuk sekurang-kurangnya memperoleh keputusan seri pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Dengan Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan di sini baru-baru ini.

Pasukan Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan yang dianggotai Pegawai-pegawai Seranta dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jelutong bermula garang mendahului separuh masa pertama dengan tiga kosong sambil gol kedua dijaringkan sendiri oleh Heng Kiang.

Aksi berbalas gol di Stadium Bandaraya pada separuh masa kedua oleh kedua-dua pasukan bertambah rancak apabila masing-masing dihadiahkan sepakan penalti, sebelum Pasukan Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan menjaringkan gol kemenangan ketika perlawanan menuju minit akhir lalu memperoleh kemenangan 5 - 4.

Menurut Heng Kiang, perlawanan persahabatan sedemikian kini kerap dijalankan antara wakil-wakil Kerajaan Negeri dan pihak-pihak luar berkepentingan dalam mengeratkan hubungan di samping menyihatkan badan.



**LAW Heng Kiang (dua dari kiri) meraikan kejayaannya menjaringkan gol bersama-sama Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong (dua dari kanan) pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan dengan Penang Press Club di sini baru-baru ini.**



**PASUKAN Pejabat Exco Pembangunan Pelancongan bergambar kenang-kenangan selepas tamat perlawanan.**



**AKSI lasak yang dipamerkan kedua-dua pasukan.**

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

# Puas hati dengan produk sendiri dulu – prinsip kerja Faris

**ORANGNYA** agak pemalu namun amat berkebolehan.

Walaupun tidak memiliki kemahiran dalam bidang pertukangan, Mohd. Faris Ismail, 38, mampu menghasilkan pelbagai perabot yang unik lagi cantik.

Berasaskan minat dan sedikit pengetahuan yang dipelajari daripada bapanya, Mohd. Faris atau lebih mesra dengan panggilan Faris berhenti kerja sebagai juruteknik di sebuah hotel bagi menumpukan sepenuh masa pada bidang berkenaan.

Tidak lama, hanya kira-kira setahun menceburi bidang tersebut, hasil kerjanya telah memperoleh permintaan daripada pengusaha-pengusaha kedai makan di sekitar pusat pelancongan, Batu Feringghi.

Istimewanya, perabot dihasilkan Faris yang berasal dari Kampung Teluk Awak, Teluk Bahang adalah tidak menggunakan walaupun sebatang paku.

"Kenapa tidak guna paku?

"Sebab, saya nak orang tahu yang perabot juga boleh buat tanpa paku. Semua sambungan bahagian-bahagian perabot adalah menerusi tanggam.

"Malah, kayu yang digunakan juga adalah *solid wood* iaitu kayu rambai, tenusu serta jering. Bukannya *plywood* dan kayu getah,'' katanya kepada skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara (BM) pada sesi wawancara yang diadakan di bengkel beliau.

Sebelum bertemu Faris, skuad BM terpaksa meniti titi kayu menyeberangi sungai kecil yang memisahkan kediaman beliau dengan bengkelnya.

Di dalam sungai jernih itu, kelihatan anak-anak ikan yang begitu seronok berenang menentang arus air bukit yang mengalir turun.

Berkonsepkan *open air*, begitu seronok mata memandang kehijauan pokok-pokok hutan tumbuh liar, bukit dan tanaman-tanaman seperti tebu, pisang dan ubi kayu yang turut diusahakan Faris yang kini dikurniakan dua cahaya mata.

Menurut Faris, kraftangan pertama dihasilkan beliau ketika menceburi bidang pertukangan adalah sebilah pedang samurai.

"Saya tengok budak-budak main kayu, tiba-tiba timbul idea nak buat satu *souvenir*,'' katanya yang tidak menafikan bahawa beliau turut merujuk kepada internet dan televisyen berhubung idea penghasilan produk.

Mengulas lanjut, Faris memberitahu bahawa disebabkan modal tinggi dalam mendapatkan peralatan pertukangan, kebanyakan produk yang dihasilkan masih menggunakan tangan iaitu secara manual.

"Wang dan modal adalah cabaran utama kerana saya tidak minta bantuan.

"Peralatan kena beli sendiri bergantung kepada tempahan dan bayaran pelanggan dari semasa ke semasa,'' ujarnya yang merupakan anak bongsu daripada dua beradik.


SET kerusi dan meja telah siap.


PEDANG samurai dan kraftangan-kraftangan yang dihasilkan.


TANGGAM yang menyambungkan bahagian-bahagian perabot.


MOHD. Faris Ismail.

Ketika ditanya mengenai produk paling sukar dihasilkan, Faris yang kini dibantu dua rakan menyatakan bahawa ia adalah perabot kerusi dan meja.

"Kedua-dua produk ini memerlukan ketelitian.

"Apabila saya buat, saya buat betul-betul. Kalau sendiri tidak puas hati dengan produk (sendiri), macam mana nak bagi kat orang lain,'' seloroh Faris ringkas dengan erti tersirat.

Bagi perancangan masa depan, Faris ingin mempelbagaikan lagi produknya dan bercadang memiliki premisnya sendiri.

"Malah, saya juga ingin menghadiri kursus bagi meningkatkan lagi kebolehan diri,'' jelasnya yang memperoleh bekalan kayu daripada hutan-hutan berhampiran.

Sebelum mengakhiri sesi wawancara, Faris turut menasihati anak-anak muda supaya tidak mengamalkan budaya lepak.

"Daripada buang masa dok lepak, baik fikir sesuatu yang boleh datangkan hasil.

"Masa muda memang saya lepak juga sebab 'tak nampak'. Tapi, bila dah boleh berfikir (umur 20-an), saya berubah,'' katanya yang turut minat menanam pokok bonsai bagi tujuan melepaskan tekanan.


SEBAHAGIAN kayu digunakan dalam penghasilan produk perabot Mohd. Faris.


KAYU-kayu lama direndam untuk mematikan ulat dan serangga berbisa yang hidup di bahagian dalam.

**INFO :**
**Nombor Telefon :**
**017 – 565 6282**

# Abd. Malek berjuang tak pilih bulu

**SELAMA** empat penggal atau lapan tahun, beliau diberi kepercayaan sebagai Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang (Gabungan).

Walaupun bertongkat, Abd. Malek Darus, 61, cukup disegani kerana kelantangannya menyuarakan kebajikan serta nasib anggota, khususnya di negeri ini.

Beberapa perkara berbangkit disuarakan beliau baru-baru ini, semasa berkongsi pentas dengan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis pemberian sumbangan insentif RM803,700 atau RM300 kepada 2,679 pemandu teksi, teksi pelancongan dan kereta sewa yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri, sedikit banyaknya mencuri perhatian wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB**.

"Dalam 20 tahun sembilan bulan, saya menjadi juruteknik di Bahagian Penerbitan Pusat Universiti Sains Malaysia (USM) sejak tahun 1971 sebelum saya mengambil keputusan untuk bersara secara opsyen.

"Masa dalam perjawatan, saya sudah mula membawa teksi dan saya rasa lebih mudah cari makan di Pulau Pinang, saya berasa lebih seronok kerana boleh bekerja secara bebas, di mana saya tauke dan saya lah kulinya.

"Saya mula bawa teksi pada tahun 1992, tiga empat tahun kemudian, saya sudah mempunyai permit teksi persendirian.

"Sebenarnya, dua tahun lepas (2012) terfikir juga untuk berehat sepenuhnya apabila saya terlibat dalam kemalangan, tulang peha saya patah dan terpaksa disokong dengan tongkat.

"Sekarang, teksi persendirian saya dibawa oleh rakan, manakala, saya tumpu sepenuh masa sebagai pengerusi Gabungan, yang sekarang ini sudah masuk penggal keempat (selama lapan tahun)," ujar Abd. Malek semasa diwawancara di Dewan Sri Pinang, George Town.

**Kenapa Exora?**

Abd. Malek berkata, birokrasi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) antaranya mengarahkan semua teksi yang berusia lewat 10 tahun supaya ditukar kepada kereta Proton Exora mulai bulan November depan, jika mahu memperbaharui permit teksi persendirian masing-masing.

Tidak cukup dengan itu, Abd. Malek mendakwa SPAD seakan cuba mengandakan tekanan kepada anggota berwajib apabila suruhanjaya berkenaan disebut-sebut akan memperkenalkan tarif meter baru khusus untuk Teksi 1Malaysia (TEKS1M) jenis Exora sahaja dalam masa terdekat.

"Dalam mesyuarat dengan SPAD sendiri, wakilnya sendiri ada mengakui bahawa Proton Exora memang mempunyai beberapa masalah seperti gear kecil untuk memanjat bukit Balik Pulau, 'kuat makan minyak' serta tidak lasak untuk dijadikan kenderaan sewa.

"Sudahlah susah untuk membuat pinjaman bank bagi kami yang rata-rata berusia 60 tahun ini, SPAD pun seakan membuat tekanan dengan dua tiga arahan ini ke atas kami sahaja, iaitu pemegang permit teksi persendirian.

"Sudahlah permohonan permit teksi persendirian tidak lagi dikeluarkan, kita (yang memiliki teksi berusia 10 tahun) hanya dapat perbaharuan permit teksi persendirian selama setahun sahaja selepas mengadakan rundingan dengan SPAD dua bulan lepas," jelas beliau.

**Beku Permit**

"Kalau jadi pengerusi persatuan teksi di Wilayah (Persekutuan Kuala Lumpur), seseorang yang bergelar 'datuk' boleh ada 200 hingga 300 permit teksi atas nama syarikat, tetapi, saya sebagai pengerusi (Gabungan) hanya ada satu permit teksi persendirian kerana saya tak pernah menyokong pemberian permit kepada syarikat.

"Tapi, kalau tanya LPKP (Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan), dia pernah kata lebih mudah nak tangkap kesalahan jika permit diberi kepada syarikat.

"LPKP kata pemandu yang ada permit teksi persendirian lebih susah nak kawal, selalu suka mogok seperti di Pulau Pinang.

"Macam mana tak mogok dan nak cari makan di negeri ini kalau (Datuk Seri Mohamed) Nazri Aziz semasa memegang portfolio LPKP sendiri pernah (dilaporkan) sanggup keluar permit khas untuk 'Teksi Biru' (Teksi Eksekutif) pada tahun 2010, yang boleh pergi ke mana-mana negeri termasuk Pulau Pinang.



ABD. Malek Darus.

"Apabila kita lantang persoal mengapa permohonan permit teksi persendirian di Pulau Pinang dibekukan, kita juga disogok....biarlah saya dapat RM100 sehari daripada seorang kawan yang pandu teksi saya, tak mengapa, asalkan rezeki saya halal," tegas Abd. Malek.

**Pro Pulau Pinang**

Abd. Malek memberitahu bahawa Gabungan tidak pernah mencampuri urusan politik kepartian, baik Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri.

Gabungan, katanya lagi, fokus pada isu-isu berkaitan kebajikan serta kepentingan anggota semata-mata.

"Apabila saya mengkritik Nazri Aziz beri permit kepada syarikat dan perkenal 'teksi biru', jangan ingat saya anti Kerajaan Pusat, kerana Datuk Noh Omar (bekas Menteri Pembangunan Koperasi dan Usahawan) pun pada tahun 2009 pernah memberi hampir 1,500 permit kepada individu disebabkan syarikat teksi didakwa gagal menjaga kebajikan pemandu.

"Kita (Gabungan) tak pernah menyebelahi mana-mana, kebaikan kita ambil, keburukan kita tak mahu.

"Macam insentif yang Kerajaan Negeri beri RM300 sekarang, kita sokong sebab bawa kebaikan kepada pengguna," ujarnya.

**Harapan**

Justeru, tegas Abd. Malek lagi, Gabungan sedang mempertimbang untuk meminta Kerajaan Negeri menjadi 'orang tengah' bagi berunding dengan SPAD mengenai beberapa isu berbangkit, sungguhpun pihaknya ditawarkan khidmat guaman oleh Ketua Menteri sendiri baru-baru ini.

"Kita cukup menghargai apabila Y.A.B. Ketua Menteri berkata Kerajaan Negeri bersedia untuk menawarkan khidmat guaman sekiranya kita (Gabungan) mahu merujuk beberapa syor SPAD ke mahkamah.

"Tetapi, kita masih percaya bahawa jalan rundingan masih ada dengan dengan SPAD, sebab itu kita pertimbang untuk Kerajaan Negeri sendiri jadi 'orang tengah' nanti.

"Gabungan tak pernah pilih bulu dan akan cuba melakukan apa yang terbaik, bukan sahaja untuk kebajikan anggotanya sahaja, malah mereka yang kita percaya layak dihargai oleh Kerajaan Negeri yang ada pada hari ini.

"Sebab itu, kita (Gabungan) daftarkan nama pemandu teksi lapangan terbang, kereta sewa dan ada juga pemandu 'teksi biru' pada kali ini, apabila Kerajaan Negeri mahu memberi insentif RM300 ini," kata Abd. Malek.




ABD. Malek Darus bersama-sama teksi miliknya.

# Perangi penjualan arak murah




M. Satees (lima dari kiri) menunjukkan sepanduk penganjuran forum 'Arak Murah & Impaknya Kepada Rakyat' sambil ditemani Prof. Dr. P. Ramasamy (tengah) di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUTTERWORTH** – Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan M. Satees mengambil inisiatif khas menganjurkan forum 'Arak Murah & Impaknya Kepada Rakyat' sebagai usaha memerangi gejala penjualan minuman beralkohol itu yang dipercayai semakin berleluasa di sini baru-baru ini.

Menurut Satees, isu tersebut dipercayai masalah kritikal bukan sahaja di Seberang Perai, malah seluruh negara kerana ia membabitkan kesihatan konsumer.

"Arak yang dijual ini sangat murah iaitu berharga di antara RM2 hingga RM10 dan amat mudah dibeli oleh orang ramai.

"Kandungan alkohol di dalam minuman ini pula adalah sebanyak 42 peratus, sekaligus memudaratkan kesihatan pengguna dalam masa jangka panjang," katanya pada penganjuran forum berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir merasmikan penganjuran tersebut adalah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Turut hadir, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Tambah Satees, situasi yang lebih membimbangkan kini adalah pengambilan arak murah dalam kalangan remaja dan pelajar.

"Statistik menunjukkan di seluruh Seberang Perai sahaja terdapat lebih kurang 369 premis yang menjual arak murah dan memudahkan orang ramai membelinya.

"Ini turut ditambah dengan sikap peniaga yang tidak bertanggungjawab menjual arak kepada pelajar dan remaja bawah umur sekaligus menyumbang kepada gejala sosial golongan muda," ujar beliau.

Dalam pada itu, Marshel turut meminta agar orang ramai dapat memberi sokongan kepada usaha tersebut demi kepentingan kesihatan pengguna dan mengurangkan gejala sosial dalam kalangan remaja.

"Forum pada hari ini merupakan siri pertama yang dijalankan di Seberang Perai dan ia akan terus dijalankan di setiap daerah di sini bertujuan memberi penerangan lebih menyeluruh kepada orang ramai.

"Justeru, saya meminta agar mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) terutamanya Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) agar dapat bekerjasama dengan kami (MPSP) untuk menghapuskan penjualan arak murah di negeri ini," seru Marshel.

## Tukang masak warga asing, PBT digesa dapat maklum balas

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) agar segera mendapatkan maklumbalas para peniaga makanan berhubung tindakan menggaji tukang masak warga asing dalam penyediaan sajian tradisi tempatan.

Menurutnya, sebagai sebuah negeri yang mendapat jolokan syurga makanan serta diiktiraf badan antarabangsa sebagai antara penghasil makanan tersedap di dunia, adalah tidak patut bagi para peniaga tempatan menggaji pekerja asing untuk masak makanan-makanan berkenaan.

"Makanan tempatan jelas sekali akan 'lari' dari rasa yang sebenar sekiranya dimasak orang tempatan berbanding warga asing. Masakan tradisi seperti asam laksa, nasi kandar dan sebagainya haruslah dipelihara.

"Namun, saya melihat gejala ini tidak lagi begitu serius di Pulau Pinang. Bagaimanapun, minta PBT untuk pantau dan jika majikan masih menggunakan pekerja asing, mungkin kita (Kerajaan Negeri) akan pertimbangkan untuk tidak menyambung lesen mereka (pekerja asing) bagi tahun berikutnya," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye.

Menurut Guan Eng, peraturan tersebut hanya akan diguna pakai bagi makanan penjaja dan kedai makan biasa memandangkan ianya adalah *'trade mark'* negeri ini berbanding restoran besar yang lazimnya menggunakan tukang masak profesional dan berkelayakan sungguhpun mereka adalah warga asing.

"Tindakan ini bukanlah untuk menyusahkan para peniaga, tetapi ingin menjaga ketulenan, kualiti keenakan masakan Pulau Pinang bagi menjamin pertumbuhan sektor pelancongan negeri yang positif," jelas beliau.

Dalam pada itu, tambahnya, bagi rekod terbaru penyewa kemudahan kompleks makanan MPPP dan MPSP, seramai 119 pekerja di lokasi-lokasi tersebut merupakan warga asing yang berkhidmat sebagai pembantu dapur dan jumlah terbabit tidak termasuk kedai-kedai persendirian.

## MPPP seru maklumbalas awam tukar arah aliran trafik




ZAINUDDIN Mohamad Shariff (tengah) bersama-sama Yeoh Soon Hin (kiri sekali) membuat lawatan tapak berhubung inisiatif penukaran aliran lalulintas membabitkan kawasan Bandar Baru Air Itam di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Orang ramai diseru memberikan maklum balas berhubung inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menukar arah aliran lalulintas dua hala kepada sehala membabitkan beberapa kawasan sekitar Bandar Baru Air Itam sebagai inisiatif menyuraikan keadaan traffik sedia ada.

Jurutera Kanan Lalulintas Bahagian Kejuruteraan MPPP, Zainuddin Mohamad Shariff berkata, cadangan tersebut adalah bagi melicinkan aliran lalulintas di kawasan-kawasan terbabit terutamanya pada waktu puncak.

"Justeru, pihak Majlis (MPPP) menjemput masyarakat sekitarnya untuk turut serta mengemukakan pandangan, ulasan, bantahan atau persetujuan berhubung pelaksanaan tersebut.

"Setiap maklumbalas yang diterima akan dikaji Majlis sebelum sebarang keputusan diambil," ujarnya pada sidang media di lokasi baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya terubong, Yeoh Soon Hin.

Tujuh kawasan yang terlibat dalam cadangan pelaksanaan sistem aliran sehala adalah Medan Angsana, Medan Angsana 2 dan 4, Lorong Tepi Medan Angsana 4, Jalan Khidmat (Lintang Angsana), Jalan Khidmat (Jalan Angsana) dan Jalan Khidmat (Lebuhraya Thean Teik).

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian 04 - 259 2202/04 - 259 2205 (Puan Rafidah atau Puan Rashidah) atau emailkan kepada *zainuddin@mppp.gov.my*.

# MPPP jalankan kaji selidik isu tukang masak asing

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Satu kaji selidik sedang dijalankan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi mendapatkan pandangan orang awam mengenai isu penyediaan makanan tempatan oleh tukang masak warga asing di sini bermula 25 Julai hingga 31 Ogos ini.

Pengumuman tersebut dibuat Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika turun padang meninjau proses kaji selidik yang dijalankan kakitangan MPPP di sekitar Pasar Chowrasta baru-baru ini di sini.

Katanya, makanan tempatan (Pulau Pinang) telah dikenali di peringkat antarabangsa dan merupakan salah satu ikon dalam industri pelancongan negeri.

"Semua sedia maklum, makanan tempatan seperti asam laksa telah mendapat pengiktirafan dunia apabila dipilih pada kedudukan ke-tujuh dalam *CNN's World 50 Most Delicious Food*.

"Selain itu, *Time Magazine* memberikan pengiktirafan *Best Street Food In Asia* dan *One of Asia's Greatest Food Cities* oleh *CNNGo.Com*.

"Jesteru, kita perlu menjamin reputasi ini berkekalan dan dipertingkatkan lagi. Pihak Majlis sedang berusaha mencari idea bagi meningkatkan prestasi dan jenama negeri Pulau Pinang melalui industri makanan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) memerhatikan Ir. Ang Aing Thye (dua dari kanan) yang sedang menjalankan proses soal selidik terhadap seorang peniaga di Pasar Chowrasta di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Ang Aing Thye, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran, Kesihatan Awam dan Pelesenan MPPP, Dr. R. Judy Shoba dan Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong.

Kon Yeow memberitahu, seramai kira-kira 50 kakitangan MPPP akan menjalankan kajian lapangan pelaksanaan kaji selidik tersebut di lokasi-lokasi strategik sekitar Pulau Pinang yang menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara.

"Dalam tempoh tersebut juga, orang awam boleh turut serta menyalurkan pandangan melalui portal rasmi MPPP iaitu *www.mppp.gov.my,*" jelas beliau.

## Parkir motosikal lebih lama di Terminal Sg. Nibong

**GEORGE TOWN** – Mesyuarat Biasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berlangsung di sini baru-baru ini meluluskan cadangan bagi mewujudkan parkir motosikal berbayar di Terminal Bas Sungai Nibong.



JOSEPH Ng Soon Siang.

Inisiatif tersebut adalah bagi membolehkan orang ramai meletakkan motosikal untuk jangka masa panjang di lokasi berkenaan.

Keputusan tersebut dibentangkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kewangan MPPP, Joseph Ng Soon Siang untuk makluman dan pengesahan Majlis.

Beliau berkata, Pengurus Sistem Letak Kereta Terminal Bas Sungai Nibong akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan tempat parkir motorsikal berbayar tersebut.

"Caj sebanyak RM2 akan dikenakan untuk sebuah motorsikal diparkir bersama dengan ruangan penyimpanan topi keledar yang turut disediakan.

"Petak motosikal percuma di luar kawasan tempat letak kereta sedia ada masih dikekalkan," ujarnya pada pembetangan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan Bilangan 07 Tahun 2014 di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, pada mesyuarat sama, Soon Siang turut memohon agar Majlis membatalkan kelulusan pemberian petak khas kepada syarikat yang mempamerkan motosikal dengan tanda untuk dijual di dalam petak berkaitan.

"Majlis perlu memberi amaran bertulis kepada syarikat yang bertindak meletak halangan, kenderaan atau mempamerkan motosikal dengan tanda untuk dijual di dalam petak khas disediakan berhadapan premis kedai masing-masing.

"Jawatankuasa meminta halangan ini dipantau setelah surat amaran dikeluarkan," tegas beliau.

## MPPP tafakur ingati tragedi MH17



AR. Patahiyah mengetuai tafakur selama seminit bagi memberi penghormatan serta memperingati tragedi nahas pesawat penerbangan MH17 sebelum berlangsungnya Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 7 Tahun 2014 di sini baru-baru ini.

**MEMPERINGATI...** Ahli-ahli dewan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang bersidang pada Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 7 Tahun 2014 bertafakur selama satu minit sebelum berlangsungnya mesyuarat bagi memperingati dan memberi penghormatan kepada mangsa-mangsa tragedi nahas pesawat penerbangan MH17 di ruang udara Ukraine baru-baru ini.

Semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan hadiran yang hadir turut serta pada inisiatif khas tersebut sebagai tanda simpati kepada mangsa, keluarga serta rakan-rakan mangsa. Turut disedekahkan al-Fatihah buat mangsa yang beragama Islam.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail yang melahirkan perasaan simpati dan sedih berkata, seluruh negara turut merasakan kehilangan dan kesedihan nahas pesawat tersebut tambahan pula ia berlaku menjelang Aidilfitri.

# Kerajaan Negeri hargai anak istimewa cemerlang SPM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS –** Meskipun disahkan menghidap penyakit distrofi otot *(muscular dystrophy)* sejak lahir, Chong Wei Feng, 18, tidak menjadikan kekurangannya sebagai halangan memperoleh keputusan cemerlang 8A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 yang lalu.



**CHONG Wei Feng menunjukkan sijil penghargaan dan trofi yang diterima.**

Bekas pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) Phor Tay itu menerima pengiktirafan Anugerah Pelajar Cemerlang daripada Kerajaan Negeri berupa wang tunai, sijil dan trofi pemcapaian khas yang disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai di kediaman keluarganya di sini baru-baru ini.

Wei Feng merupakan salah seorang daripada 10 pelajar istimewa (orang kurang upaya, OKU) yang memperoleh keputusan cemerlang di Pulau Pinang.

"Buat masa ini, saya melanjutkan pelajaran di Kolej Inti (kolej swasta) dalam bidang perubatan sebagai persediaan ke luar negara dan berhasrat untuk menjadi doktor suatu hari kelak supaya dapat membantu mereka yang istimewa seperti saya," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini.

Dalam pada itu, Hon Wai yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri berkata, beliau ke kediaman Wei Feng kerana ingin menyerahkan anugerah tersebut kepadanya ekoran beliau tidak dapat hadir ke majlis khas pemberian insentif daripada Kerajaan Negeri di Komtar Jun lalu.

"Beliau tidak dapat hadir pada majlis tersebut kerana dimasukkan ke hospital akibat jangkitan paru-paru pada masa itu," katanya yang meluangkan masa kira-kira sejam di sini.

Ibu, Chong Chee Choon dan bapanya, Ong Lee Ling yang masing-masing berusia 45 tahun ternyata gembira dengan keputusan yang diperoleh anak sulung daripada empat adik-beradik berkenaan.



**WONG Hon Wai (kanan sekali) menyerahkan sijil penghargaan dan trofi kepada Chong Wei Feng sambil diperhatikan ahli-ahli keluarganya di sini baru-baru ini.**

## Abdul Malik ceriakan golongan perlu

Oleh: **CHEAH JAY LOON**

**BATU MAUNG –** Sumbangan bantuan persiapan sempena sambutan 1 Syawal Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim baru-baru ini nyata menceriakan 135 golongan memerlukan di sini.



**SIM Tze Tzin (berdiri, kanan sekali) dan Abdul Malik Abul Kassim (berdiri, dua dari kanan) menyampaikan sumbangan pada Majlis Sumbangan Aidilfitri Kepada OKU, Ibu Tunggal & Golongan Asnaf di sini baru-baru ini.**

Ini termasuk ibu tunggal, bapa tunggal, nelayan dan golongan orang kurang upaya (OKU) sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung di sini.

Menurut Abdul Malik, beliau berharap sumbangan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya golongan berkenaan terutamanya ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sumbangan Aldifitri Kepada OKU, Ibu Tunggal & Golongan Asnaf di sini baru-baru ini.

Majlis yang turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin tersebut diadakan di Kampung Permatang Tepi Laut di sini.

Selain beras dan makanan asasi, Tze Tzin turut menyampaikan sumbangan kain batik kepada para penerima yang terpilih.

## Tangani kes agensi pelancongan tak bertanggungjawab

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PULAU TIKUS –** Kes Cynthia Lim, 49, dan suaminya Phua Tat Teik, 49, yang mengaku ditipu sebuah syarikat pelancongan akhirnya dirujuk kepada Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari baru-baru ini.



**ZAIRIL Khir Johari (kanan) menunjukkan beberapa bukti mengenai penipuan agensi-gensi pelancongan berkaitan sambil ditemani Cynthia Lim pada sidang media di Pusat Komuniti Ahli Parlimen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.**

Zairil berkata, kes seumpama itu sepatutnya tidak berlaku memandangkan Menteri Pelancongan & Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada 16 Jun lepas turut menyebut bahawa lesen satu lagi syarikat berkaitan telahpun dibatalkan sejak tahun 2009 lagi.

"Lesen syarikat pelancongan terbabit telahpun dibatalkan...bagaimana operasi menggunakan nama-nama syarikat berbeza boleh berlaku sedangkan syarikat-syarikat itu dimiliki pihak yang sama.

"Penipuan tersebut telah berlaku walaupun pakej pelancongan dibeli dari Persatuan Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) yang sah.

"Saya lihat ada kelompangan di sini walaupun kita ada Akta Industri Pelancongan 1992 yang membenarkan denda atau membatalkan lesen mana-mana agensi pelancongan yang tidak bertanggungjawab.

"Saya minta mereka (syarikat pelancongan berkaitan) segera membayar balik semua kos kepada pihak Cynthia," tegasnya dalam satu kenyataan media di Pusat Komuniti Ahli Parlimen Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

Memetik jawapan lisan Mohamed Nazri, jelas beliau, kes penipuan membabitkan agensi pelancongan direkodkan sebanyak 3,611 kes dengan nilai RM14.1 juta dalam tempoh tahun 2009 hingga bulan Mei tahun ini.

"Dalam banyak kes, bakal pelancong dan mereka yang ingin mengerjakan haji umrah akan menjadi mangsa apabila agensi pelancongan ingkar serta melarikan diri, selepas mengumpulkan deposit daripada mangsa," jelasnya.

Justeru, Zairil meminta Kerajaan Pusat supaya segera mengambil tindakan tegas berhubung semua aduan berbangkit tersebut, demi mencegah penipuan seumpama itu dari berulang pada masa depan.

Terdahulu, Cynthia dan Tat Teik pada 28 Oktober tahun lepas membeli baucer pelancongan ke Kemboja bernilai RM999 dari syarikat pelancongan berkenaan.

Sebanyak RM786 wang pendahuluan turut dibayar termasuk beberapa yuran serta cukai berwajib.

Bagaimanapun, kedua-dua mangsa menerima emel pembatalan pelancongan awal dua minggu dari tarikh percutian mereka yang dijadualkan pada 22 hingga 26 April.

Sehingga kini, semua tuntutan pembayaran balik kedua-dua mangsa tersebut masih belum ditunaikan oleh agensi pelancongan terbabit.

"Selepas berminggu-minggu kami menghubungi (agensi-agensi pelancongan tersebut, namun, gagal. Sebelum ini pun, mereka hanya membalas (pertanyaan susulan kami) menerusi emel sahaja," jelas Cynthia kepada wartawan di sini.

# ADUN agih bantuan raya kepada fakir, orang buta



KETUA Menteri menyampaikan replika cek kepada salah seorang penerima sebagai gimik Majlis Penyampaian Bantuan Dana dan Berbuka Puasa Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

**AIR ITAM** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini mengagihkan bantuan hamper dan sumbangan dari Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada kira-kira 150 golongan fakir dan miskin serta orang buta dari Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (Cawangan Negeri Pulau Pinang) dekat sini.

Hon Wai yang juga merupakan Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri berkata, seperti tahun-tahun yang lalu, beliau akan mengagihkan bantuan hamper kepada golongan fakir dan miskin di sini bagi memastikan mereka dapat membuat persiapan Ramadan dengan lebih sempurna dan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan penuh gembira.

"Bantuan yang diterima ini diharap dapat digunakan sebaiknya agar dapat meringankan bebanan keluarga di samping dapat merasai kegembiraan menyambut Hari Raya nanti," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Bantuan dan Berbuka Puasa di Kampung Melayu baru-baru ini.

Agihan hamper (yang mengandungi makanan asasi dan minuman), katanya, melibatkan tiga kawasan iaitu Paya Terubong, Air Itam dan Farlim.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng hadir menyempurnakan penyampaian sumbangan dan meraikan majlis berbuka puasa bersama para penerima bantuan dan penduduk Kampung Melayu yang hadir.

Majlis dianjurkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Melayu ini turut dihadiri Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh Deo.

Dalam perkembangan sama, Hon Wai turut mempersembahkan lampu bintang terbesar di Pulau Pinang dengan ketinggian melebihi 25 kaki yang dihasilkan anak watan Kampung Melayu.



YAP Soo Huey (kiri) bersama Daniel Soon menunjukkan poster promosi dialog yang bakal diadakan pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Cadangan tingkat perkhidmatan bas kepada Rapid Penang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU TIKUS** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey mencadangkan supaya mutu perkhidmatan bas ulang alik di Pulau Pinang amnya, dapat ditingkatkan.

Soo Huey berkata, satu laporan penuh daripada kajiannya, *Pulau Tikus Green Transport Users Program* ke atas sistem pengangkutan awam di Pulau Tikus akan dibentangkan kepada pihak pengurusan pengendali bas awam, Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) dalam masa terdekat.

"Antara cadangan dikemukakan dalam laporan tersebut merangkumi penambahbaikan beberapa aspek termasuk sikap dan skil pemandu serta kekerapan bas untuk menjamin keselesaan pengguna.

"Hasil kaji selidik ini memberi kita pengetahuan tentang tahap kepuasan pengguna berkaitan perkhidmatan bas Rapid Penang di Pulau Tikus khususnya dan secara umum bagi seluruh negeri Pulau Pinang," katanya pada sidang media dekat sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengetua Rumah Orang-orang Buta St. Nicholas, Daniel Soon.

Menurut Soo Huey, seramai 136 pengguna mengambil bahagian dalam kaji selidik yang dijalankan selama tiga bulan bermula November tahun lalu (2013) sehingga Januari tahun ini.

Dalam perkembangan sama, Soo Huey turut berhasrat untuk mengadakan dialog berhubung dorongan mobiliti dalam mewujudkan sebuah komuniti yang selamat dan mesra di sini nanti.

"Beberapa perkara perlu diambil kira dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam termasuk kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) dan buta penglihatan," ujar beliau.

# Kuih raya tanda penghargaan kepada anggota keselamatan



DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) menyampaikan bungkusan sumbangan kuih raya kepada wakil Balai Bomba dan Penyelamat Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menyerahkan 100 bungkusan sumbangan kuih raya Aidilfitri kepada anggota-anggota keselamatan yang sedang bertugas di sini baru-baru.

Antara anggota keselamatan yang terlibat adalah pasukan Bomba dan Penyelamat Seberang Jaya di Balai Bomba dan Penyelamat Seberang Jaya, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah, Bandar Perda serta Balai Polis Seberang Jaya dan petugas kesihatan di Hospital Seberang Jaya.

Buat julung kali, tahun ini, Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan turut berkesempatan menyerahkan sumbangan kuih raya kepada anggota Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) di KD Sri Pinang, Gelugor.

Sumbangan tersebut disampaikan sendiri oleh beliau kepada wakil-wakil setiap jabatan tersebut.

Difahamkan, penyerahan sumbangan kuih raya itu adalah sebahagian acara tahunan bagi meraikan dan menghargai jasa bakti anggota-anggota keselamatan di Seberang Jaya.



BUAT julung kali, kuih raya turut disumbangkan kepada PSSTLDM.

## Peraduan Lukisan Poskad : Kreativiti Anak Penang

Contoh:




Sumber Gambar : Internet

Contoh:








Sila isi butiran berikut:

Nama : ............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ............................................

Alamat: ............................................

............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga (untuk kategori 1):

............................................

No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) ..................

Emel: ............................................

1. Penyertaan terbuka kepada 2 kategori :- 1) 12 tahun dan ke bawah.
   2) Terbuka.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis pewarna.
3. Saiz poskad adalah 14 cm x 19.5 cm.
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Hanya penyertaan yang menggunakan kertas jenis kad keras 100g dan ke atas sahaja diterima.
7. Tema lukisan poskad adalah 'Pulau Pinang'.
8. Setiap set penyertaan perlu mempunyai minimum 4 lukisan poskad berdasarkan tema dipilih. Semua lukisan perlu berkait antara satu sama lain.
9. Borang butiran maklumat perlu ditampal di bahagian belakang lukisan poskad utama
10. Semua karya adalah hak milik penganjur.
11. Tarikh tutup untuk semua penyertaan adalah 31 Disember 2014.

## Hadiah:
**( bagi setiap kategori )**

**Pertama: RM500**
**Kedua: RM300**
**Ketiga: RM150**
**5 Hadiah Saguhati**